

DALAM TRIBUNAL KOPERASI
KES NO: T-383-2019 DI BILIK PROSIDING KUALA LUMPUR

KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI DEWAN BANDARAYA Pemohon
KUALA LUMPUR BERHAD

DAN

DATO' YAPRI KAMARUZAMAN BIN KUSHAIRI Responden 1
KHALID BIN AMAT Responden 2
AZMAN BIN ALIAS Responden 3

Ahli Panel:

Puan Arleen binti Ramly (Pengerusi Tribunal Koperasi)
Encik Cik Soh @ Mohd Shahrudin bin Ismail (Anggota Panel SKM)
Dr. Hajah Hayati binti Md Salleh (Anggota Panel Koperasi)

ALASAN AWARD

LATARBELAKANG KES

1. Dalam kes ini, Responden-Responden adalah bekas ALK Pemohon.
2. Tuntutan Pemohon adalah telah berlaku salah guna kuasa dalam pengurusan kewangan Pemohon. Ini kerana Responden-Responden selaku Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari pada masa berkenaan telah menggunakan dana pinjaman iaitu pinjaman-pinjaman dari Bank Muamalat Malaysia Berhad dan pinjaman daripada TMP-JPK untuk pembelian / pembayaran hartanah Warisan Cityview Unit C3, tanah milik Koperasi Pusat Islam Berhad (KOPIM), tanah milik Koperasi Malimjaya Tanjung Malim Berhad dan tanah Lot Hulu Langat (KL Palace). Kebenaran asal pembiayaan-pembiayaan ini adalah hanya untuk aktiviti kredit kepada anggota-anggota Pemohon sahaja. Pembelian yang dibuat ini adalah tanpa kelulusan bertulis daripada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia ("SKM"). Salah guna kuasa ini dikatakan telah menyebabkan Koperasi menghadapi masalah kecairan tunai yang sangat serius di mana pengeluaran pinjaman kepada anggota serta bayaran balik modal yuran dan modal syer anggota yang menamatkan keanggotaan tidak dapat dibuat. Salah guna kuasa ini dikatakan telah menyebabkan Koperasi kehilangan prospek pendapatan daripada faedah atas pinjaman yang dikeluarkan kepada Anggota. Salah guna kuasa ini menyebabkan Koperasi terpaksa menanggung kos-kos baru dalam operasinya.

3 Relif dipohon adalah seperti di perenggan 7 Borang A iaitu:

(i)kehilangan prospek pendapatan daripada faedah ke atas pembiayaan anggota sebanyak RM2,547,000.00;

(ii)kos-kos operasi baru yang Koperasi terpaksa belanjakan berjumlah RM85,165.22; dan

(iii)kos-kos lain yang telah dikeluarkan oleh pihak Koperasi bagi mendapatkan hartanah tersebut berjumlah RM1,264,068.18.

4. Bicara dijalankan pada 22 dan 23 Disember 2021, 27 Jun 2022 serta 6, 7 dan 8 Disember 2022. Ikatan-ikatan dokumen untuk kes adalah terdiri dari:

(i) Borang A sebagai Ikatan A

(ii)Borang B sebagai Ikatan B

(iii)Ikatan 1 sebagai Ikatan CA

(iv)Ikatan 2 sebagai Ikatan CB

(v)Ikatan 3 sebagai Ikatan CC

(vi)Ikatan 4 sebagai Ikatan CD

(vii)Ikatan 5 sebagai Ikatan CE

(viii)Ikatan Dokumen-Dokumen Responden 2 dan 3 sebagai Ikatan D

(ix)Ikatan Dokumen Tambahan Responden 2 dan 3 sebagai Ikatan E

Pemohon mengemukakan 2 orang saksi dan Responden-Responden mengemukakan 3 orang saksi.

ISU YANG MENJADI PERTIKAIAN DAN HUJAHAN PIHAK-PIHAK

4. Peguam Pemohon menghujahkan Responden-Responden secara keseluruhannya tidak mempunyai kredibiliti dan tidak kompeten selaku Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Kehormat, juga tidak memberikan keterangan yang boleh membantu pihak tribunal ini dengan baik sebagai saksi-saksi perbicaraan. Responden-Responden semasa perbicaraan berlangsung kesemuanya hanya semata-mata menunding jari kepada pihak yang lain apabila diperiksa oleh peguamcara Pemohon bertujuan bagi mengelak sebarang jawapan yang mengikat liabiliti terus kepada mereka. Antara kenyataan-kenyataan Responden-Responden adalah seperti yang berikut:

Encik Khalid Bin Amat (SR-2)

S12: Adakah pihak Encik selaku setiausaha ketika itu, telah menyemak kemampuan

Pemohon untuk membeli **Unit C3 Cityview** tersebut semasa menandatangani S&P tersebut? ya atau tidak?

J: Saya tidak pasti keputusan ini melibatkan peguam dan konsultan yang terlibat.

S13: Saya cadangkan sebelum Encik menandatangani S&P ini Encik tidak menyemak kemampuan Pemohon untuk membeli **Unit C3 Cityview** tersebut, setuju?

J: Saya tidak setuju kerana pihak peguam dan konsultan telah menyemak bahawa koperasi layak pada masa itu dan barulah meminta saya untuk menandatangani.

S26: Selaku setiausaha ketika itu, adakah Encik membuat sebarang semakan mengenai kemampuan Pemohon untuk membuat pembelian hartanah **KOPIM** ini?

J: Saya tidak setuju. Konsultan dan peguam akan memaklumkan kepada saya baru saya akan tandatangan. Saya telah memberi kuasa kepada peguam dan konsultan.

S32: Saya cadangkan bahawa segala transaksi hartanah **KOPIM** ini berlaku tanpa ada surat kelulusan pembiayaan daripada pihak SKM?

J: Saya tidak pasti kerana menggunakan khidmat peguam dan konsultan.

S51: Setuju atau tidak tindakan undang-undang ini dibuat berdasarkan ketidakmampuan pihak koperasi untuk membeli hartanah **Malimjaya** tersebut?

J: Saya tidak setuju dengan statement ini. Masa beli dulu konsultan dan peguam maklumkan kepada kita, kita mampu beli dan tanggung semua tanggungan. Bayar konsultan dan lawyer.

S52: Saya rujuk muka surat 60 ikatan CD, faedah lewat bayar ini berlaku semasa Encik bertugas sebagai setiausaha, setuju?

J: Ya. Sebagai Setiausaha. Tetapi yang bertanggungjawab ialah Pengerusi, bendahari dan konsultan termasuk peguam.

S9: Adakah pihak Encik selaku bendahari ketika itu, telah menyemak kemampuan Pemohon untuk membeli unit **C3 Cityview** tersebut semasa menandatangani S&P tersebut? Ya atau Tidak?

J: Untuk kemampuan, kita telah melantik konsultan dan peguam untuk melihat kemampuan. Jadi mereka sepatutnya melaporkan kepada kami tentang kemampuan koperasi.

S15: Saya rujuk muka surat 22 dan 23 (v) - (a) dan (b), dokumen CB. Saya cadangkan, bahawa kelulusan SKM sekiranya ada, adalah bersyarat, dan antara syarat-syaratnya adalah pembelian hartanah tersebut hendaklah menjadi satu pelaburan yang menguntungkan dan dapat memberi pulangan yang baik. Setuju?

J: Saya setuju tetapi ahli lembaga terkemudian tidak menjalankan tanggungjawab sehinggakan bangunan itu tidak dapat disewakan kepada orang lain.

S16: Saya cadangkan kepada Encik, bahawa pembelian unit C3 Cityview ini tidak menguntungkan Pemohon, malah pemohon perlu menanggung kos-kos tambahan. Setuju?

J: Ini adalah daripada kesilapan pentadbiran yang baru yang tidak dapat manage bangunan tersebut sehingga ia tidak dapat disewakan kepada org lain.

S18: Setuju atau tidak ketika berlaku kelewatan pembayaran, Encik adalah bendahari jika melihat kepada tarikh surat. Setuju?

J: Kalau ikut tarikh dari surat ini saya memang bendahari tetapi saya tidak dimaklumkan oleh pengurus bahawa ada pembayaran yang telah lewat.

S25: Selaku bendahari ketika itu, adakah encik membuat sebarang semakan mengenai kemampuan pemohon untuk membuat pembelian hartanah **KOPIM** ini?

J: Seperti sebelum ini bahawa koperasi mempunyai lawyer dan konsultan. Mereka ini patut bertanggungjawab mengetahui dana cukup atau tidak untuk membeli sesuatu aset.

S58: Adakah encik mempunyai pengetahuan sama ada pembelian hartanah KL Palace ini telah mendapat kelulusan daripda pihak SKM?

J: Saya tidak dimaklumkan oleh peguam dan konsultan.

S39: Saya rujuk soalan no. 25 encik. Soalan ini mengatakan bahawa dana pinjaman **BMMB dan TMP-JPK** telah digunakan untuk membiayai pembelian tanah Koperasi Malimjaya. Adakah encik maklum mengenai perkara ini?

J: **Saya tidak maklum sebab peguam dan konsultan yang uruskan.**

S48: Setuju atau tidak pembayaran faedah lewat bayar dan tindakan undang-undang ini dibuat berdasarkan ketidakmampuan pihak koperasi untuk membeli hartanah **Malimjaya** tersebut?

J: **Saya tidak pasti kerana ia adalah berdasarkan kepada pihak konsultan dan lawyer.**

S49: Saya rujuk m/s 60, 62, dan 65 ikatan CD, faedah lewat bayar ini berlaku semasa encik bertugas **sebagai bendahari**, setuju?

J: **Kalau ikutkan dokumen saya setuju dan sebagai bendahari tetapi kesilapan ini berlaku adalah di atas kecuaiian pihak konsultan dan peguam koperasi.**

S50: Saya cadangkan bahawa **pihak konsultan dan peguam koperasi, tidak mempunyai autoriti untuk membuat sebarang pembayaran bagi pihak pemohon.** Setuju?

J: **Saya setuju** tetapi sepatutnya mereka memberitahu kepada Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari koperasi akan hal tersebut.

Adalah jelas di sini bahawa selaku Bendahari Kehormat, **pihak SR-3 sepatutnya mempunyai pengetahuan dan cakna** mengenai isu kelewatan membayar faedah bagi pembelian hartanah Malimjaya serta isu penggunaan kemudahan pembiayaan dari Bank Muamalat yang menggunakan akaun Muamalat Pemohon. Namun begitu, pihak SR-3 telah memilih untuk meletakkan isu tersebut ke bahu peguam dan konsultan Pemohon ketika itu. Hal ini menunjukkan bahawa bukan sahaja kredibiliti SR-3 selaku Bendahari ketika itu adalah meragukan malah **testimoni SR-3 selaku saksi adalah 'unreliable' atau tidak membantu pihak Tribunal ini.** Hal ini dibuktikan lagi oleh testimoni Responden-Responden yang diberikan seperti di bawah yang mana ketika itu SR-2 dan SR-3 menjawat jawatan selaku Setiausaha dan Bendahari Kehormat Pemohon:

Encik Khalid Bin Amat (SR-2)

S54: Adakah Encik mempunyai pengetahuan sama ada pembelian hartanah Malimjaya ini telah mendapat kelulusan daripada pihak SKM?

J: Saya tidak pasti sebab saya ada konsultan dan peguam yang memaklumkan kepada saya yang mereka uruskan.

S55: Saya cadangkan, tiada kelulusan SKM, setuju?

J: Saya tidak pasti sebab yang buat ini konsultan dan peguam.

S56: Saya cadangkan bagi pembelian hartanah koperasi Malimjaya ini, tidak ada dokumen di hadapan Tribunal ini iaitu dokumen kelulusan daripada SKM?

J: Saya tidak pasti perbincangan awal.

S12: Adakah pihak Encik selaku setiausaha ketika itu, telah menyemak kemampuan Pemohon untuk membeli Unit C3 Cityview tersebut semasa menandatangani S&P tersebut? ya atau tidak?

J: Saya tidak pasti keputusan ini melibatkan peguam dan konsultan yang terlibat.

S32: Saya cadangkan bahawa segala transaksi hartanah KOPIM ini berlaku tanpa ada surat kelulusan pembiayaan daripada pihak SKM?

J: Saya tidak pasti kerana menggunakan khidmat peguam dan konsultan.

S33: Saya rujuk kepada muka surat 92 ikatan CC, kalau lihat kandungan jadual ini, saya cadangkan pembayaran bilangan 6 dan 7 adalah sebanyak RM3 juta adalah dibuat menggunakan dana BMMB, setuju?

J: Saya tidak pasti.

S34: Saya juga cadangkan, jika melihat bilangan 1-3 pembayaran sebanyak RM770k ini dibuat menggunakan dana BMMB, setuju?

J: Saya tidak pasti.

Encik Azman Bin Alias (SR-3)

S45 Saya rujuk kpda m/s 76, ikatan CD setuju dengan saya bahawa memang pada masa ini pemohon sedang bermasalah kerana adanya satu writ saman difailkan terhadap pemohon akibat memasuki pembelian hartanah ini?

J Saya tidak pasti kerana saya tidak dimaklumkan oleh konsultan atau peguam.

S48 Setuju atau tidak pembayaran faedah lewat bayar dan tindakan undang-undang ini dibuat berdasarkan ketidakmampuan pihak koperasi untuk membeli hartanah Malimjaya tersebut?

J Saya tidak pasti kerana ia adalah berdasarkan kepada pihak konsultan dan lawyer.

S51 Adakah encik mempunyai pengetahuan sama ada pembelian hartanah Malimjaya ini telah mendapat kelulusan daripada pihak SKM?

J Saya tidak pasti kerana pembelian hartanah Tanjung Malim ini telah dibincangkan semasa saya belum menjadi bendahari lagi.

Tambahan lagi, kenyataan SR-3 di dalam penyata saksinya bahawa kononnya beliau bukanlah menjawat jawatan selaku Bendahari jelas adalah **bercanggah dan/atau satu penipuan** dengan bukti dokumentari yang sedia ada:

Encik Azman Bin Alias (SR-3)

S53: Saya rujuk kepada soalan 29 encik, saya cadangkan semasa penggunaan dana daripada BMMB dan TMP-JPK dibuat, encik adalah bendahari pemohon. Setuju?

J: Saya setuju tetapi akaun induk adalah akaun yang duitnya bercampur bukan khusus pinjaman TMP dan akaun Bank Muamalat.

S54: Jadi saya letak pada encik bahawa, **penyataan encik dalam soalan no. 29** bahawa encik bukan bendahari ketika pembelian hartanah KL Palace ini dibuat, **tidak benar**, setuju?

J: **26.6.2014 adalah semasa saya menjadi bendahari.**

Pemohon berpegang kepada kes **PUBLIC PROSECUTOR v SARJEET SINGH & ANOR [1994] 2 MLJ 290** yang mana Mahkamah Tinggi memutuskan seperti berikut:

"Held, dismissing the appeal:

(1)There was no evidence that the taxi driver knew the respondents prior to the robbery and the taxi driver did not at any time identify the respondents and Mustafa as the culprits. Where the accused persons are not previously known to the witnesses, it is necessary to hold an identification parade. Therefore, the police should have conducted an identification parade to enable the taxi driver to identify the robbers. The failure to do so gave rise to the suspicion that the taxi driver would not have been able to identify the respondents and Mustafa. The lack of an identification parade, though it may not vitiate the trial, is a very important feature in considering the credibility of witnesses on the point of identification.

2)Mustafa had admitted **that he had lied under oath and it was perfectly in order for the learned magistrate to hold him as an UNRELIABLE WITNESS**"

TAB 1, IKATAN AUTORITI PEMOHON

Selain itu, keterangan SR-2 dan SR-3 ini adalah **bercanggah** dengan keterangan yang diberikan oleh SR-1 iaitu Dato' Yapri Kamaruzaman Bin Khushairi. SR-1 selaku bekas Pengerusi Pemohon pada setiap masa yang material tidak pernah meletakkan kesalahan kepada mana-mana peguam atau konsultan Pemohon ketika itu. Sebaliknya, SR-1 mengatakan bahawa pihak pengurus Pemohon ketika itu yang akan menasihatkannya selaku Pengerusi Pemohon.

Dato Yapri Kamaruzaman Bin Khushairi (SR-1)

S34: Adakah Datuk sebagai Pengerusi Koperasi semasa menandatangani pembelian unit C3 ini telah menyemak kemampuan kewangan koperasi untuk memasuki jualbeli unit Cityview ini. Ya atau tidak?

J: Ya. Perkara ini mesti dibincangkan dalam mesyuarat ALK dan **pengurus akan menasihati samada kewangan mencukupi atau tidak.**

S45: Adakah Datuk sebagai pengerusi koperasi telah membuat semakan berkenaan kemampuan kewangan koperasi, samada mampu atau tidak sebelum bersetuju memasuki perjanjian tanah KOPIM ini?

J: Selalunya perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat ALK dan **pengurus akan menasihati kemampuan kewangan koperasi.** Untuk pengetahuan juga, tanah KOPIM dicadangkan oleh Pengarah SKM Kuala Lumpur pada masa itu. Sebab itu Koperasi menyambut niat baik beliau kerana tanah KOPIM dan valuation juga adalah RM10 juta.

S46: Berdasarkan jawapan Datuk, Datuk ada menyebut pengurus koperasi. Pada keterangan pengurus, beliau ada menyatakan telah menggunakan dana sebanyak RM5.6 juta daripada pinjaman Bank Muamalat sebanyak RM18 juta. Datuk maklum berkenaan itu?

J: Akaun Bank Muamalat termasuk simpanan-simpanan ahli, pinjaman-pinjaman ahli dibayar melalui Bank Muamalat dan pembelian tanah tersebut kita gunakan wang berlebihan. **Perkara ini dinasihati oleh pengurus.** Seingat saya tanah ini dahulu 6.5 juta dan pihak yang usahasama tadi bayarkan RM2 juta. Jadi kita hanya perlu bayar RM4.5 juta. Value tanah sekarang lebih daripada RM15 juta. Hasil usahasama boleh memberi pulangan sebanyak RM15 juta kepada Koperasi. Bila board baru bermasalah, usahasama tidak diteruskan.

Dalam apa jua keadaan, Responden-Responden selaku pihak pengurusan dan pihak atasan Pemohon yang diberi amanah, kuasa dan kepercayaan untuk mengemudi hala tuju Pemohon tidak sepatutnya menjawab tidak pasti dan menyalahkan pihak yang lain. Ini secara jelasnya menunjukkan **kelemahan pentadbiran dan kepimpinan serta kelemahan Responden-Responden sendiri selaku saksi-saksi** yang mana keterangannya boleh membantu pihak Tribunal yang Mulia ini.

5. Peguam Pemohon menghujahkan dalam kebanyakan keadaan, Responden-Responden adalah pihak-pihak yang pada setiap masa yang material merupakan Pengerusi, Setiausaha dan/atau Bendahari Pemohon semasa hampir setiap pembelian hartanah tersebut, serta dalam pada masa yang sama merupakan '**decision maker**' bagi pihak Pemohon. Hal ini tidak dinafikan oleh Responden-Responden sendiri semasa sesi perbicaraan berlangsung. Hal ini boleh didapati di dalam Nota Keterangan:

DATO' YAPRI KAMARUZAMAN BIN KUSHAIRI (SR1)

S3: Saya rujuk Dokumen CB, setuju dengan saya, untuk projek **Warisan Cityview** ini, perjanjian jual beli antara koperasi dan tuan tanah Cityview adalah dibuat, semasa Datuk menjadi **Pengerusi Pemohon**?

J: **Betul**

S39: Saya ingin bertanya isu pembelian tanah **KOPIM**, setuju dengan saya pembelian hartanah **Koperasi Pusat Islam** ini perjanjian jual beli adalah dibuat semasa Datuk menjadi **Pengerusi**?. Saya rujuk kepada m/s 19 perjanjian jual beli dan m/s 31 ikatan CC. Boleh Datuk sahkan?

J: **Ya. Saya Pengerusi semasa itu.**

S47: Setuju dgn saya, pihak ALK dan Datuk selaku Pengerusi ketika itu telah bersetuju untuk membeli hartanah milik **koperasi Malimjaya**?

J: Seingat saya Board yang terdahulu masa itu saya sebagai **Setiausaha**.

S59 Datuk setuju atau tidak terdapat tiga pembelian unit untuk hartanah **KL Palace** ini betul? Saya rujuk m/s 2, 20 dan 39?

J Ya.

S60 Saya rujuk soalan nombor 37 penyata saksi, pembelian tanah ini bukan dibuat semasa Datuk menjadi Pengerusi. Betul?

J Ya.

S61: Saya cadangkan ketika pembelian tanah ini dibuat, Datuk telah menandatangani perjanjian jual beli selaku **Setiausaha**. Setuju?

J: **Ya.**

KHALID BIN AMAT (SR2)

S9: Rujuk muka surat 32 Ikatan CB. Saya cadangkan ini adalah perjanjian jual beli yang ditandatangani oleh Encik bagi pembelian **Hartanah Warisan Cityview**?

J: **Ya**

S10: Soalan saya, adakah Encik setuju bahawa Encik bertanggungjawab ke atas perjanjian jual beli yang telah dimasuki bagi pihak Pemohon?

J: Saya tidak setuju sebab keputusan adalah keputusan BOD. **Saya hanya Setiausaha Kehormat dan hanya menandatangani perjanjian mengikut UUK.**

S24: Boleh sahkan adakah Encik memegang jawatan selaku setiausaha ketika penggal-penggal tersebut iaitu ketika pembelian hartanah **KOPIM** dibuat?

J: **Saya Setiausaha** semasa itu.

AZMAN BIN ALIAS (SR3)

S8: Soalan saya, adakah Encik setuju bahawa Encik bertanggungjawab ke atas perjanjian jual beli **Warisan Cityview** yang telah dimasuki bagi pihak Pemohon? Rujuk muka surat 32-47 ikatan CB.

J: **Memang dokumen ini saya yang sign tetapi sebagai menjalankan tanggungjawab sebagai bendahari.**

S22: Saya rujuk soalan no. 22 encik. Pemohon mendakwa bahawa sebanyak RM3 juta dana pada tahun 2015 dan RM2,625,360.00 dana pada tahun 2016 daripada BMMB dan TMP-JPK telah digunakan untuk membiayai pembelian tanah **KOPIM**. Adakah encik maklum mengenai dana-dana ini?

J: Mengenai dana-dana KOPIM ini saya tidak dimaklumkan

S23: Boleh sahkan adakah encik memegang jawatan selaku **bendahari** ketika penggal-penggal tersebut?

J: **Kalau ikut kepada 2015 hingga 2016 saya sebagai bendahari**

S54: Jadi saya letak pada encik bahawa, pernyataan encik dalam soalan no. 29 bahawa encik bukan bendahari ketika pembelian hartanah **KL Palace** ini dibuat, tidak benar, setuju?

J: 26.6.2014 adalah semasa saya menjadi **bendahari**.

Walaupun Responden-Responden di dalam penyata-penyata saksi mereka kesemuanya menggunakan alasan bahawa mereka hanya menjalankan tanggungjawab untuk menandatangani perjanjian-perjanjian jual beli hartanah-hartanah tersebut setelah keluarnya keputusan mesyuarat yang dibuat oleh pihak ALK, **Responden-Responden gagal untuk menjelaskan mengapa mereka di dalam mesyuarat tersebut tidak membantah terhadap pembelian hartanah-hartanah tersebut.** Malah, kenyataan-kenyataan Responden-Responden bahawa kononnya kesemua pihak ALK bersetuju dengan setiap pembelian hartanah adalah tidak benar. Ini dibuktikan semasa sesi soal balas SP-2:

Dato' Kamarulzaman Bin Mat Salleh (SP-2) – Warisan Cityview

S26: Sebentar tadi Datuk cakap Datuk hadir ke mesyuarat ini dan Datuk tidak bersetuju. Tetapi jika rujuk m/s 254 Ikatan D minit kehadiran di situ Tuan Haji Kamarulzaman tidak hadir dengan maaf?

J: Jawapan saya tadi tidak merujuk kepada mana-mana minit mesyuarat tapi pada mesyuarat ALK yang saya hadir memang sentiasa berbincang mengenai pembelian ini. **Pada masa perbincangan tersebut saya setiap masa memberi pandangan dan tidak bersetuju dengan pembelian bangunan tersebut.**

S37: Setuju Dengan saya bahawa sesuatu keputusan yang boleh dianggap sah dan teratur hanya memerlukan pengundian dan/atau sokongan majoriti pihak ALK?

J: Setuju dengan syarat di dalam minit mesyuarat tersebut hendaklah dinyatakan nama-nama **ALK yang bersetuju dan ALK yang tidak bersetuju.**

Perkara ini selanjut dapat dilihat di dalam **Laporan Tahunan 2015, muka surat 24, Agenda 12 (Memberikuasa Kepada Anggota Lembaga Membeli Premis di Warisan Cityview) - Ikatan D** iaitu mengenai pembelian hartanah Warisan Cityview yang mana Responden Pertama ketika itu adalah Pengerusi, Responden Kedua adalah Setiausaha dan Responden Ketiga adalah Bendahari Kehormat:

YBhg. Datuk Ramlan bin Salleh (No. Anggota 4710) TIDAK BERSETUJU dengan cadangan pembelian kedua-dua premis tersebut kerana telah ada bangunan yang ingin dibina di tanah Kg. Attap.

.....

Pengerusi memaklumkan kelewatan proses permohonan pinjaman sebelum ini adalah kerana koperasi tidak cukup modal pusingan dan sekarang tiada alasan lewat proses sekiranya tiada masalah kerana koperasi telah menerima dana pinjaman daripada **Bank Muamalat Berhad.**

Pengerusi Mesyuarat telah membuat pengundian. Berikut adalah keputusan pengundian:

a. 8 ANGGOTA TIDAK MELULUSKAN UNTUK MEMBERIKUASA KEPADA

Dalam setiap keadaan, Pemohon berhujah bahawa Responden-Responden sebagai pihak yang mempunyai kuasa tertinggi di dalam organisasi koperasi bukanlah boneka yang hanya memberikan alasan bahawa pembelian-pembelian hartanah-hartanah tersebut dibuat atas arahan ALK. Selaku Pengarah, Setiausaha dan Bendahari, Responden-Responden mempunyai tanggungjawab untuk berhati-hati (duty of care) kepada Pemohon secara keseluruhannya dan kepada ALK untuk memastikan bahawa pembelian hartanah-hartanah yang dibuat tersebut adalah **berbaloi, menguntungkan dan selamat serta MELINDUNGI KEPENTINGAN AHLI-AHLI KOPERASI.** Pemohon merujuk kepada kes **LOH CHIAK EONG & ANOR V LOK KOK BENG & ORS [2013] 1 MLJ 27** yang mana Mahkamah menerangkan keadaan wujudnya prinsip "duty of care":

"[52] And three years later, in *Yuen Kun Yei v Attorney-General of Hong Kong* [1988] AC 175 (PC), the Privy Council hearing an appeal from the Hong Kong Court of Appeal ruled that the two-stage test in *Anns v Merton* should not be regarded as in all circumstances a suitable guide in determining whether or not a duty of care was owed. In the words of the Privy Council (at p 194):

In view of the direction in which the law has since been developing, their Lordships consider that for the future it should be recognised that the two-stage test in *Anns v Merton* is not to be regarded as in all circumstances a suitable guide to the existence of a duty of care.

[53] Instead, according to the Privy Council, it was necessary to have regard to **whether a close and direct relationship between the parties existed and this involved consideration of all the circumstances, including the reasonable contemplation of injury or damage being caused to the plaintiff by the defendant's failure to exercise reasonable care and any consideration of public policy that might negate the imposing of any duty of care.**"

TAB 2, IKATAN AUTORITI PEMOHON

Selanjutnya, Pemohon merujuk kepada kes **GURISHA TARANJEET KAUR (AN INFANT SUING BY HER FATHER AND LITIGATION REPRESENTATIVE, TARANJEET SINGH S/O BHAGWAN SINGH) & ANOR V DR PREMITHA DAMODARAN & ANOR [2020] MLJU 519** yang mana Mahkamah mengatakan seperti yang berikut:

"[32] It is settled law in an action founded on the tort of negligence, a plaintiff must prove that (i) **the defendant owes him a duty of care**, (ii) **the defendant breached that duty of care**, (iii) **the plaintiff suffered damages as a result of the breach**; and (iv) **the damages are not too remote.**

(a) Duty Of Care

[33] The root principle of English common law negligence applied in Malaysia is to **“TAKE REASONABLE CARE TO AVOID ACTS OR OMISSIONS WHICH YOU CAN REASONABLY FORESEE WOULD BE LIKELY TO INJURE YOUR NEIGHBOUR”** per Lord Atkin in *Donoghue v. Stevenson* [1932] A.C. 562, at 580.

[34] The duty of care owed by a doctor to his patient; arises out of his relationship with his patient. Siti Norma Yaacob FCJ (as she then was) in *Foo Fio Na v Dr Soo Fook Mun & Anor* [2007] 1 CLJ 229;; [2007] 1 MLJ 593;; [2007] 1 AMR 621, explained the principle as: *“Without the doctor and patient relationship, there is no duty on the part of the doctor to diagnose, advice and treat his patient.”*

TAB 3, IKATAN AUTORITI PEMOHON

Oleh itu, berdasarkan keadaan-keadaan ketika itu, adalah tidak dapat dinafikan bahawa Responden-Responden selaku pihak pengurusan Pemohon yang mewakili ALK mempunyai tanggungjawab untuk berhati-hati dalam membuat keputusannya termasuklah dalam menggunakan pembiayaan yang hanya semata-mata diluluskan untuk perkara tertentu sahaja. Responden-Responden telah cuai dalam memastikan kewangan Pemohon adalah sihat berpunca daripada keputusan yang dibuat iaitu menyalahgunakan kuasa dalam menyalahgunakan pembiayaan-pembiayaan yang diperolehi daripada Bank Muamalat dan TMP-JRP. Ini menunjukkan bahawa Responden-Responden telah melakukan kecuai kerana telah melanggar tanggungjawab Responden-Responden untuk berhati-hati (breached his duty of care). Pemohon seterusnya merujuk kepada kes **SABAH SHELL PETROLEUM CO LTD & ANOR V THE OWNERS OF AND/OR ANY OTHER PERSONS INTERESTED IN THE SHIP OR VESSEL THE ' BORCOS TAKDIR' [2012] 5 MLJ 515:**

“to establish negligence the evidence adduced by Shell at trial should be considered to ascertain whether the three essential elements comprising negligence were made out, namely the existence of a duty of care owed by the defendant to Shell, a breach of such duty of care and loss or damage suffered as a consequence of the breach of such duty of care. Such negligence is established, to my mind, by the following facts and evidence”

TAB 4, IKATAN AUTORITI PEMOHON

Pemohon kemudiannya merujuk kepada kes **PUSHPALEELA A/P R SELVARAJAH & ANOR V RAJAMANI D/O MEYAPPA CHETTIAR AND OTHER APPEALS [2019] 2 MLJ 553** yang mana Mahkamah mengatakan seperti berikut:

in a claim based on the tort of negligence, it had to be firstly shown that the defendant owed a duty of care to the plaintiff and once the duty existed, the plaintiff had to show that the defendant had breached it.

TAB 5, IKATAN AUTORITI PEMOHON

Oleh itu, adalah jelas di sini bahawa Responden-Responden telah melanggar tugas untuk berhati-hati terhadap Pemohon yang mana telah merugikan kewangan Pemohon. Secara alternatif, Pemohon berhujah bahawa Responden-Responden turut memiliki tugas fidusiari (fiduciary duty) terhadap ALK dan Pemohon secara khususnya. Hal ini kerana, Responden-Responden selaku Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Kehormat Pemohon ketika itu **DIBERIKAN AMANAH DAN KEPERCAYAAN** oleh ahli-ahli dan ALK untuk mengurus dan memastikan hala tuju Pemohon dan kewangan Pemohon di tahap yang terbaik pada ketika itu dan pada masa yang akan datang. Pemohon merujuk kepada kes **MOHD LATIFF BIN SHAH MOHD & ORS v TENGKU ABDULLAH IBNI SULTAN ABU BAKAR & ORS AND OTHER ACTIONS [1995] MLJU 547** yang mana Mahkamah menyebut bahawa posisi dan keadaan seseorang wakil koperasi itu adalah sama dengan seorang pengarah bagi sesebuah syarikat:

“.....In its judgment the Federal Court expressed the view that **an agent of a Cooperative Society is in a similar position as directors of a Company AND THE DUTY OF SUCH AGENT IS OF A FIDUCIARY NATURE.** At page 80 of its judgment, the Federal Court said:

Now as to the law, it is my view that the society, being registered under the Cooperative Societies Ordinance No.33 of 1948, is a body corporate (section 8 of the Ordinance) and that **the appellant being its director and honorary secretary was its agent.**

In Ferguson v. Wilson, Cairns L.C. said at page 89: -

'What is the position of directors of a public company? They are merely agents of a company. The company itself cannot act in its own person, for it has no person; **it can only act through directors**, and the case is, as regards those directors, merely the ordinary case of principal and agents.'”

TAB 6, IKATAN AUTORITI PEMOHON

Pemohon selanjutnya merujuk kepada kes **KOPERASI TELEKOM MALAYSIA BERHAD V ISMAIL BIN NORDIN & ORS [2020] MLJU 865** yang mana Mahkamah Tinggi **menegaskan prinsip yang sama:**

“(a) That it has discharged its burden of proving that the Defendants had breached their statutory duty when it caused the Plaintiff to pay an “advance payment” of RM2 million to Rimbun Dermaga. In this regard, **the Plaintiff relying on case law as well as the by laws of the Koperasi have submitted extensively that the defendants as its Board members and PRINCIPAL OFFICE BEARERS AT THE TIME DID IN FACT HAVE FIDUCIARY DUTIES.** The Plaintiff relies on the

decision of the Court of Appeal in the case of **Zaharen bin Zakaria v Redmax Sdn Bhd & Other Appeals [2016] 5 MLJ 91 CA** to support its contention. However, there is really no need to expound further on this issue as In this regard, defendants do not dispute the existence of such duties.....;"

TAB 7, IKATAN AUTORITI PEMOHON

Oleh itu, bersandarkan kepada nas-nas di atas, adalah jelas bahawa Responden-Responden selaku Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Kehormat ketika itu mempunyai tugas fidusiari dan tugas untuk berhati-hati terhadap Pemohon dan/atau ahli-ahli Pemohon. Plaintiff berhujah bahawa Responden-Responden telah melanggar 'duty of care' dan 'fiduciary duty' yang diamanahkan kepada mereka sebagai Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Kehormat Pemohon pada setiap masa yang material.

6. Peguam Pemohon menghujahkan sebagai pihak pengurusan Pemohon, Responden sepatutnya menyemak kemampuan kewangan Pemohon ketika itu untuk membeli sebarang hartanah, walaupun hartanah-hartanah tersebut dibeli atas galakan pihak SKM sendiri ataupun tidak. Responden-Responden juga gagal menafikan dan/atau menyangkal bahawa Responden-Responden telah gagal menyemak kemampuan kewangan Pemohon ketika itu, dan gagal mendapatkan kelulusan dari SKM. Walaupun pembelian hartanah Warisan Cityview mendapat kelulusan bertulis daripada SKM, Responden-Responden telah gagal mematuhi prasyarat-prasyarat yang dikemukakan oleh SKM iaitu pembelian tersebut hendaklah menguntungkan Pemohon dan bebas daripada perkara yang merugikan Pemohon. Hal ini boleh diamati di dalam **Perenggan (v), m/s 23 Ikatan CB** seperti berikut:

(v) mengambil tindakan yang sewajarnya sebelum membuat pembelian hartanah (bangunan) tersebut dengan menjalankan pemeriksaan usaha wajar (due diligence examination) ke atas pembangunan hartanah (bangunan) yang meliputi perkara seperti berikut:

(a) **membuat penilaian terperinci** ke atas pembelian hartanah/bangunan tersebut untuk menentukan sama ada ianya adalah pelaburan yang menguntungkan dan sama ada kemungkinan untuk 'berlakunya "capital appreciation" hartanah tersebut di pasaran "secondary" adalah tinggi. Harga belian tidak seharusnya melebihi harga pasaran semasa (market value) dan pembangunan hartanah tersebut terletak dalam radius/lokasi yang strategik;

(b) memastikan pembelian hartanah/bangunan dapat **memberi pulangan yang baik kepada Koperasi** pada masa hadapan (good return on investment prospect);

(c) memastikan hartanah/bangunan yang dibeli **bebas daripada sebarang bebanan**

yang boleh merugikan Koperasi; dan

(d) mengenal pasti potensi pembeli/penyewa, ruang serta peluang, rangkaian dan perhubungan yang baik untuk Koperasi menjana pendapatan di atas pembelian hartanah/bangunan tersebut.

Pemohon berhujah **bahawa walaupun pembelian hartanah Warisan Cityview ini mendapat bantahan beberapa pihak dan ianya tetap diteruskan**, adalah tidak dapat dinafikan bahawa Pemohon mengalami kerugian akibat pembelian hartanah ini kerana tiada pihak yang ingin menyewa hartanah-hartanah tersebut. **Pemohon juga berhujah bahawa Responden-Responden juga telah melanggar kesemua prasyarat yang terdapat dalam Perenggan (v) tersebut.** Selain itu, Pemohon juga berhujah bahawa dalam apa jua keadaan, Responden-Responden gagal membuktikan bahawa setiap pembelian hartanah yang terlibat di dalam kes ini (kecuali hartanah Warisan Cityview) telah mendapat kelulusan bertulis dari SKM. Misalnya, Responden-Responden tidak mempunyai sebarang dokumen sokongan iaitu kelulusan bertulis dari SKM bagi membangunkan hartanah KOPIIM (**Perenggan 2 (b), m/a 69 Ikatan CC**). Hal ini kerana, terdapat pelbagai isu mengenai urusan pindahmilik hartanah KOPIIM yang mana telah memprejudiskan Pemohon, seperti isu status terkini proses pindah milik tersebut (**Perenggan 2 (c), m/s 69, Ikatan CC**). Responden-Responden selaku pihak Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Kehormat Pemohon adalah **dipertanggungjawabkan atas semua urusan pindahmilik** hartanah KOPIIM tersebut sepertimana Resolusi bertarikh 23 Mei 2016 (**m/s 83, Ikatan CC**). Responden-Responden juga gagal menafikan bahawa pembelian kesemua hartanah tersebut telah menggunakan dana dari TMP-JPK dan kemudahan pembiayaan dari Bank Muamalat **yang mana kesemuanya telah diluluskan hanya untuk aktiviti kredit kepada ahli-ahli** Pemohon melalui akaun Bank Muamalat Pemohon walaupun telah dinafikan oleh SR-3 pada awalnya:

Encik Azman Bin Alias (SR-3)

S22: Saya rujuk soalan no. 22 encik. Pemohon mendakwa bahawa sebanyak RM3 juta dana pada tahun 2015 dan RM2,625,360.00 dana pada tahun 2016 daripada BMMB dan TMP-JPK telah digunakan untuk membiayai pembelian tanah KOPIIM. Adakah encik maklum mengenai dana-dana ini?

J: Mengenai dana-dana KOPIIM ini saya tidak dimaklumkan.

S23: Boleh sahkan adakah encik memegang jawatan selaku bendahari ketika penggal-penggal tersebut?

J: Kalau ikut kepada 2015 hingga 2016 saya sebagai bendahari.

Setelah menafikan perkara tersebut, saksi SR-3 kemudiannya telah mengesahkan bahawa pembelian hartanah KOPIIM dan hartanah yang lain yang menggunakan akaun Muamalat Pemohon adalah dalam pengetahuannya:

Encik Azman Bin Alias (SR-3)

S19: Saya rujuk muka surat 56, 58, 60, 73, 75, 76, 81, 84 dokumen CB ini, boleh semak satu-satu. Boleh Encik sahkan dokumen-dokumen ini adalah ditandatangani oleh Encik?

J: Memang dokumen bayaran ini telah saya tandatangan tetapi atas tanggungjawab sebagai bendahari.

S20: Setuju dengan saya, bahawa dokumen-dokumen ini adalah pembayaran yang dibuat menggunakan **akaun Muamalat pemohon?**

J: **Pembayaran-pembayaran ini adalah daripada akaun induk koperasi iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad.**

S37: Saya rujuk m/s 95, 98, 102, 103, 105, 107, 109, 111, 113, 115, 116, 118, dokumen CC. Boleh sahkan ini adalah tandatangan encik selaku bendahari yang mana telah menggunakan dana dari **akaun induk BMMB?** sila semak satu2 muka surat.

J: **Kalau rujuk dokumen memang saya tandatangan sebagai bendahari** tetapi saya hanya menjalankan tanggungjawab sebagai bendahari koperasi. Juga setuju menggunakan akaun induk BMMB.

S53: Saya rujuk kepada soalan 29 encik, saya cadangkan semasa penggunaan dana daripada BMMB dan TMP-JPK dibuat, encik adalah bendahari pemohon. Setuju?

J: **Saya setuju.....**

S55: Saya juga rujuk m/s 96, 97, 99, 100, 102, 105, 107, 108, 111, 113, 115, dokumen CE ini. Boleh semak satu-satu. Boleh encik sahkan dokumen-dokumen ini adalah ditandatangani oleh encik?

J: **Ya mengikut dokumen saya setuju bahawa saya tandatangan tetapi saya menjalankan tanggung jawab saya sebagai bendahari koperasi ketika itu.**

S56: Setuju dengan saya, bahawa dokumen-dokumen ini adalah pembayaran yang dibuat menggunakan akaun induk Muamalat pemohon?

J: **Saya setuju kerana segala pembayaran memang menggunakan akaun induk.**

Tidak dapat dinafikan bahawa kemudahan pembiayaan dari Bank Muamalat yang berjumlah sebanyak RM18juta dan RM12juta tersebut masuk ke dalam akaun Bank Muamalat milik Pemohon. Seterusnya, isu penyalahgunaan dana kemudahan pembiayaan dari Bank Muamalat ini dapat dilihat di dalam **Perenggan 4, Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali ke – 58, m/s 7, Ikatan D** (yang mana **Responden Pertama merupakan Pengerusi, Responden Kedua selaku Setiausaha dan Responden Ketiga selaku Bendahari Kehormat ketika itu**) menyebut mengenai isu pembelian hartanah KOPIM seperti yang berikut:

- En Mohamaed Iqbal Maricair B Yusofa Maricair cadang tambahan pinjaman RM12 juta khas untuk bayaran pinjaman kepada ahli sahaja jika ada lebihan barulah dipikirkan untuk bayaran projek.
- Bendahari Kehormat memaklumkan **tujuan pinjaman dengan Bank Muamalat adalah untuk pinjaman ahli. Jika ALK ingin membuat bayaran untuk projek/pembangunan perlu maklumkan pada pihak bank.**
- En. Suhaimi B Ismail memaklumkan antara salah satu perkara yang akan ditanya oleh pihak SKM/ahli adalah berkenaan bayaran kepada konsultan dan Masgenuine yang mana **bayaran dibuat tanpa projek berjalan.**

Pemohon berhujah bahawa jika merujuk kepada Minit Mesyuarat yang telah diadakan pada 23 Mac 2016 tersebut, adalah jelas bahawa kemudahan pembiayaan dari Bank Muamalat tersebut sememangnya dibuat hanya sebagai kemudahan pembiayaan kepada ahli. Juga tidak dapat dinafikan bahawa ALK ketika itu telah membuat bayaran kepada pihak pemaju sedangkan projek pembangunan belum berjalan. Seterusnya, Pemohon berhujah bahawa kelulusan kemudahan Pembiayaan sebanyak RM2.8juta daripada SKM tersebut dan pembiayaan daripada Bank Muamalat berjumlah RM30juta juga dengan jelas **hanya untuk aktiviti kredit ahli-ahli seperti mana yang terkandung dalam surat kelulusan SKM m/s 63, Ikatan CA:**

c. **menjalankan keseluruhan aktiviti pembiayaan peribadi** kepada anggota untuk tempoh maksimum sepuluh (10) tahun sahaja.....

.....

g. menggunakan sumber pembiayaan daripada Bank Muamalat yang akan disalurkan terus kepada Koperasi bagi menjalankan **aktiviti kredit dan sebagai modal kerja Koperasi;**

Penyalahgunaan kuasa dan ketidaktelitian oleh Responden-Responden ini adalah terjumlah kepada perbuatan cuai kerana Responden-Responden selaku pihak pengurusan Pemohon pada ketika itu mempunyai tanggungjawab untuk berhati-hati (duty of care) dalam membuat sebarang keputusan. Kesannya, Pemohon telah menghadapi pelbagai masalah bebanan kewangan dan masalah-masalah yang lain seperti mana berikut:

Encik Azman Bin Alias (SR-3)

S15: Saya rujuk muka surat 22 dan 23 (v) - (a) dan (b), dokumen CB. Saya cadangkan, bahawa kelulusan SKM sekiranya ada, adalah bersyarat, dan antara syarat-syaratnya adalah pembelian hartanah tersebut hendaklah menjadi satu pelaburan yang menguntungkan dan dapat memberi pulangan yang baik. Setuju?

J: **Saya setuju** tetapi ahli lembaga terkemudian tidak menjalankan tanggungjawab sehinggakan bangunan itu tidak dapat disewakan kepada orang lain.

S16: Saya cadangkan kepada Encik, bahawa pembelian unit C3 Cityview ini tidak menguntungkan Pemohon, malah pemohon perlu menanggung kos-kos tambahan. Setuju?

J: Ini adalah daripada kesilapan pentadbiran yang baru yang tidak dapat manage bangunan tersebut sehingga ia tidak dapat disewakan kepada org lain.

S45: Saya rujuk kpda m/s 76, ikatan CD setuju dengan saya bahawa memang pada masa ini pemohon sedang bermasalah kerana adanya satu writ saman difailkan terhadap pemohon akibat memasuki pembelian hartanah ini?

J: Saya tidak pasti kerana saya tidak dimaklumkan oleh konsultan atau peguam.

S46: Saya rujuk m/s 80 ikatan CD, berdasarkan dokumen ini saya cadangkan ini adalah writ saman kepada pemohon. Setuju?

J: **Berdasarkan kepada dokumen saya setuju.**

S47: Saya rujuk kepada m/s 60, 62, 65 dan 77 ikatan CD, setuju dengan saya bahawa ini menunjukkan satu jumlah faedah yang besar yang perlu dibayar oleh pemohon akibat kelewatan pembayaran ansuran bagi membeli hartanah Malim Jaya tersebut?

J: **Mengikut dokumen saya setuju.**

S49: Saya rujuk m/s 60, 62, dan 65 ikatan CD, faedah lewat bayar ini berlaku **semasa encik bertugas sebagai bendahari, setuju?**

J: **Kalau ikutkan dokumen saya setuju dan sebagai bendahari** tetapi kesilapan ini berlaku adalah di atas kecuaihan pihak konsultan dan peguam koperasi.

Walaupun SR-3 semasa sesi soal balas menjelaskan bahawa akaun Muamalat Pemohon tersebut mempunyai pelbagai sumber kewangan yang bercampur, tetapi sering kali pihak SR-3 seolah-olah hanya memberikan jawapan yang menimbulkan 'the benefit of the doubt' dan **gagal menyangkal atau membuktikan secara dokumentari (sebagai contoh sebarang penyata akaun Pemohon) bahawa sememangnya Responden-Responden telah menggunakan dana luar daripada kemudahan pembiayaan dari Bank Muamalat.** Dalam apa jua keadaan, akaun bank Muamalat Pemohon tersebut tetap mengandungi wang kemudahan pembiayaan daripada Bank Muamalat yang hanya sepatutnya digunakan **khas**

untuk pinjaman ahli-ahli (Perenggan 5, m/s 2, Ikatan CA & Perenggan 4, Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali ke – 58, m/s 7, Ikatan D). Responden-Responden juga tidak dapat menafikan bahawa **sebarang arahan pembayaran adalah hanya sama ada daripada mesyuarat ALK yang dihadiri Responden-Responden atau daripada pengurusan tertinggi Anggota Lembaga iaitu Responden-Responden sendiri (Jawapan kepada soalan No. 13, PSSP-1).** Disebabkan kecuaiannya Responden-Responden ini, Pemohon telah mengalami pelbagai kerugian antaranya:

- a) Responden-Responden telah menggunakan dan/atau memberi izin untuk menggunakan dan/atau membuat kelulusan-kelulusan selain daripada yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia sehingga mendatangkan kerugian yang besar kepada Pemohon melalui beberapa transaksi pembelian hartanah;

**Jawapan kepada Soalan No. 9,
PSP-2**

- b) Bahawa terdapat kos-kos tambahan yang perlu dibayar walaupun Pemohon belum didaftarkan namanya di dalam geran-geran yang berkenaan;

**Jawapan kepada Soalan No. 66,
PSP-2**

- c) Bahawa ianya telah mengganggu fungsi utama Pemohon sehingga menyebabkan Pemohon kehilangan prospektus keuntungan;

**Jawapan kepada Soalan No. 63,
PSP-2**

- d) Bahawa ianya telah menyebabkan Pemohon terpaksa menghadapi kos yang tinggi bagi pembelian hartanah KL Palace selain kesukaran apabila syarikat Masgenuine Alliance Holdings Sdn Bhd iaitu pemaju hartanah tersebut telah digulungkan pada 29.06.2016;

**Jawapan kepada Soalan No. 60,
PSP-2**

- e) Bahawa Pemohon mengalami kerugian berterusan apabila hartanah-hartanah KL Palace tersebut tidak dapat dimajukan sehingga ke hari ini kerana pelbagai masalah akibat daripada syarat nyata Hartanah-hartanah tersebut;

**Jawapan kepada Soalan No. 57,
PSP-2**

Pemohon selanjutnya berhujah bahawa peguamcara Responden-Responden di dalam perbicaraannya **tidak pernah menyoal balas akan pernyataan-pernyataan SP-2 di atas. Oleh itu, Pemohon berhujah bahawa Responden-Responden gagal menyangkal atau menafikan pernyataan-pernyataan SP-2 di dalam PSSP-2 tersebut.** Secara tuntasnya, Pemohon menyimpulkan seperti berikut:

- a) Bahawa Responden-Responden telah gagal menjelaskan dengan penerangan lain dan/atau menafikan bahawa kesemua (kecuali pembelian hartanah Warisan Cityview) pembelian hartanah tersebut dibuat tanpa kelulusan dari SKM;
- b) Responden-Responden terutamanya Responden Ketiga juga gagal menafikan dan/atau menyangkal dengan penjelasan lain bahawa kewangan yang digunakan bagi pembelian kesemua hartanah tersebut adalah daripada dana kemudahan pembiayaan dari Bank Muamalat dan/atau TMP-JRP; dan
- c) Responden Ketiga dalam setiap masa yang material hanya menjawab dengan jawapan yang tiada kepastian/menimbulkan 'the benefit of the doubt' dan/atau hanya menjawab 'tidak pasti'.

Pemohon berhujah bahawa berdasarkan kerugian-kerugian yang dialami oleh Pemohon akibat daripada kecuaiannya Responden-Responden dalam menjalankan tanggungjawab, adalah bukti yang jelas bahawa Responden-Responden telah melanggar 'duty of care' terhadap Pemohon.

7. Peguam Responden pula menghujahkan bahawa isu kredibiliti dan kompetensi Responden-Responden selaku Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari bukanlah isu yang dipertikaikan dan diplidkan oleh pihak Pemohon dalam pertikaian di hadapan Tribunal ini. Oleh itu, Peguam Responden-Responden berhujah bahawa Pemohon adalah diestop dan/atau selainnya dihentikan untuk membangkitkan isu ini kerana ianya tidak relevan dengan tuntutan Pemohon terhadap Responden-Responden di hadapan Tribunal ini. Peguam Responden-Responden menafikan hujahan Pemohon bahawa Responden-Responden menunding jari kepada pihak lain untuk mengelak liabiliti. Peguam Responden-Responden berhujah bahawa ianya adalah fakta yang jelas bahawa sebelum mana-mana Ahli Lembaga Koperasi (ALK) memutuskan untuk membuat pembelian hartanah-hartanah ini, ALK telah mendapatkan nasihat terlebih dahulu daripada pihak yang berkemahiran dan pakar kerana mereka tidak mempunyai kepakaran dalam bidang ini. Adalah dihujahkan bahawa pihak Responden-Responden telah menjalankan tanggungjawab fidusiari mereka sebagai ALK dengan niat baik dan dengan penuh berhati-hati untuk kepentingan pihak Koperasi dan tidak mengambil keputusan pembelian sesuatu hartanah itu dengan sewenang-wenangnya tetapi berdasarkan kepada nasihat konsultan dan peguam iaitu pihak yang pakar di dalam bidang ini yang dilantik oleh Pemohon. Peguam Responden-Responden ingin merujuk pihak Tribunal kepada dokumen-dokumen berikut yang menunjukkan Responden-Responden telah mendapatkan nasihat konsultan. :-

a)Perkara 2.4 hingga 2.7 Minit Mesyuarat Bulanan Anggota Lembaga (MBA) bertarikh 30.10.2015 (Dokumen yang lengkap boleh dirujuk pada Ikatan D muka surat 256– 258) ;

b)Perkara 3 Mesyuarat Khas Anggota Lembaga bertarikh 20.10.2014 (Dokumen yang lengkap boleh dirujuk pada Ikatan D muka surat 129 - 130); dan

c)Perkara 16 Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi bertarikh 04.04.2014 (Dokumen yang lengkap boleh dirujuk pada Ikatan D muka surat 67).

Daripada minit mesyuarat ini ianya jelas menunjukkan bahawa pada setiap masa material pihak Responden-Responden bersesama dengan ALK yang lain sentiasa mendapatkan nasihat konsultan dan peguam terlebih dahulu dalam membuat sesuatu keputusan dan/atau langkah berkenaan pengurusan hartanah-hartanah ini. Hujahan RESPONDEN-RESPONDEN berkenaan isu ini bersandarkan kepada kes Mahkamah Tinggi **PETRA PERDANA BHD v TENGKU DATO' IBRAHIM PETRA BIN TENGKU INDRA PETRA & ORS [2014] 11 MLJ 1 (TAB A, Ikatan Autoriti RESPONDEN-RESPONDEN)** yang mana di dalam kes ini Hakim Mahkamah Tinggi Yang Arif Nallini Pathmanathan memutuskan bahawa:-

“Defendan pertama yang dahulunya pengerusi eksekutif dan/atau pengarah plaintif bertindak wajar dalam melaksanakan penjualan kedua dan ketiga. Tidak terdapat pelanggaran kewajipan fidusiarinya, statutori atau common law. Dia tidak cuai dalam menjalankan penjualan tersebut. Defendan pertama diberi kuasa sewajarnya untuk melupuskan saham-saham PEB di bawah penjualan kedua disebabkan mandat yang diberikan kepadanya oleh lembaga pengarah plaintif pada 26 Ogos 2009. Berhubung masalah likuiditi segera, defendan pertama bertindak wajar dalam menjual saham-saham di bawah penjualan kedua pada harga serendah RM1.53. Defendan-defendan telah menggunakan kuasa mereka sebagai pengarah-pengarah secara suci hati untuk kepentingan terbaik plaintif. **Tiada seorang pun daripada pengarah-pengarah ini yang menggunakan kuasa mereka untuk tujuan yang tidak wajar atau dengan motif tersembunyi** (lihat perenggan 489(a)-(e)).

“Dalam menjalankan penjualan ketiga, defendan pertama pada setiap masa dinasihatkan oleh dan dengan itu, berhak untuk bergantung kepada nasihat penasihat-penasihat profesional. Cara penjualan saham-saham PEB di bawah penjualan ketiga disahkan oleh lembaga pengarah di mesyuarat mereka pada 22 Disember 2009. Harga pelupusan saham-saham di bawah penjualan ketiga lebih tinggi daripada harga yang dimandatkan sebanyak RM1.80 dan harga pasaran. Harga tersebut terangkum dalam julat penilaian laporan pertimbangan keadilan yang diperoleh oleh defendan pertama sebelum menjalankan penjualan. Akibatnya, plaintif mendapat hasil daripada penjualan ketiga. Tiada hasil peribadi kepada defendan-defendan akibat daripada penjualan ketiga (lihat perenggan 489(i)(m))”

Dalam memutuskan keputusan di atas, Yang Arif Hakim Yang Bijaksana juga telah bergantung kepada fakta bahawa Defendan Pertama di dalam kes tersebut iaitu Pengarah syarikat yang tidak mempunyai kepakaran di dalam bidang tersebut, oleh itu adalah wajar dia membuat pergantungan kepada pihak yang pakar. Bahagian relevan di dalam kes ini berkenaan isu ini adalah seperti di bawah. :

..... Nothing was said by Dato' Henry Kho who, **Tengku testified, was kept advised at all times of all financial matters. In so concluding I have taken into consideration**

Tengku Ibrahim's background, qualifications and management responsibilities. It is apparent from the evidence that he has no accounting background, and relied, from the incorporation of the plaintiff on Dato' Henry Kho and subsequently Soon Fook Kian in relation to financial matters. This is not unusual, particularly in a large public listed company where financial data is frequently complex and requires the expert attention of specially trained personnel. Soon Fook Kian was that person.

As such s 132(1C) comes into play. It provides that:

A director in exercising his duties as a director may rely on information, professional or expert advice, opinions, reports or statements including financial statements and other financial data, prepared, presented or made by :

- (a) Any officer of the company whom the director believes on reasonable grounds to be reliable and competent in relation to matters concerned;
- (b) (b) Any other person retained by the company as to matters involving skills or expertise in relation to matters that the director believes on reasonable grounds to be within the person's professional or expert competence;
- (c) (c) Another director in relation to matters within the director's authority; or
- (d) (d) Any committee to the board of directors on which the director did not serve in relation to matters within the committee's authority.

(1D) The director's reliance made under subsection (1C) is deemed to be made on reasonable grounds if it was made :

- (a) (a) In good faith; and
- (b) (b) After making an independent assessment of the information or advice, opinions, reports or statements including financial statements and other financial data, having regard to the director's knowledge of the company and the complexity of the structure and operation of the company"

Keputusan Hakim Mahkamah Tinggi diatas berkenaan isu ini telah disahkan oleh Panel Hakim Mahkamah Persekutuan **TENGGU DATO' IBRAHIM PETRA BIN TENGKU INDRA PETRA v PETRA PERDANA BHD & ANOR APPEAL [2018] 2 MLJ 177 (TAB B, Ikatan Autoriti RESPONDEN-RESPONDEN)** (dilampirkan bahagian keputusan sahaja)

- (1) In determining the dominant purpose of the second and third divestments, the H CJ placed reliance on the contemporaneous documents, including the board of directors' minutes. The H CJ did not rely solely on oral evidence. A scrutiny of the contemporaneous documents on record revealed that the decisions to sell the PEB shares were made, collectively and unanimously, at all material times by all members of the board of directors of the plaintiff present at the board meetings concerned. These documents also disclosed the board of the plaintiff, including the defendants, had at all material times relied on the advice of senior management of the plaintiff and professional advisers in a Responden-Respondeniving at the decisions to sell the PEB shares. These were important documents that the Court of Appeal failed to

consider when deciding the key issue of the dominant purpose of the divestments of the PEB shares (see paras 61-62).

Bersandarkan kepada keputusan dan dapatan kes Mahkamah Tinggi di atas, Peguam Responden-Responden berhujah bahawa dengan mengambilkira latar belakang Responden-Responden dan ALK yang lain yang mana mereka tidak mempunyai kepakaran dalam bidang hartanah. adalah wajar untuk Responden-Responden dan pihak ALK yang lain bersandarkan kepada nasihat konsultan dan peguam dalam pembelian dan pengurusan hartanah-hartanah ini. Peguam Responden-Responden sekali lagi menegaskan bahawa pihak Responden-Responden telah menjalankan dan melepaskan tanggungjawab fidusiari mereka dengan berhati-hati dan suci hati apabila keputusan pembelian hartanah-hartanah ini dibuat oleh pihak ALK hanya selepas mereka mendapat nasihat daripada pihak Konsultan dan peguam. Selanjutnya berkenaan dakwaan bahawa keterangan SR-2 dan SR-3 bercanggah dengan SR-1. Percanggahan yang didakwa Pemohon itu adalah kononnya SR-1 mengatakan bahawa Pengurus Pemohon ketika itu yang akan menasihatinya selaku Pengerusi Pemohon. Peguam Responden-Responden berhujah bahawa ini bukanlah keterangan yang bercanggah. Ini kerana disamping mendapat nasihat daripada konsultan dan peguam, melalui keterangan Responden-Responden ini Responden-Responden mengatakan bahawa pihak ALK juga mendapat nasihat daripada Pengurus. Peguam Responden-Responden juga ingin merujuk pihak Tribunal kepada **Perkara 4.1 Minit Mesyuarat Bulanan Anggota Lembaga (MBA) bertarikh 30.10.2015 (Dokumen yang lengkap boleh dirujuk pada Ikatan D muka surat 259-260)**. Daripada petikan minit mesyuarat ini jelas menunjukkan bahawa Pengurus yang telah menasihati pihak Responden-Responden dan ALK yang lain berkenaan pembelian **WARISAN CITYVIEW 3**. Responden-Responden berhujah bahawa Pengurus yang dilantik dan diupah oleh pihak ALK adalah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pentadbiran dan pengurusan Koperasi kerana Pengurus adalah pekerja sepenuh masa di Koperasi. Pengurus juga dipertanggungjawabkan untuk memberi laporan kepada pihak ALK.

Berkenaan tanggungjawab Pengurus dan tanggungjawab Pengurus ke atas pihak Lembaga, ianya jelas diterangkan di dalam kes Mahkamah Tinggi **PORT KELANG AUTHORITY v DATIN PADUKA PHANG OI CHOO @ PHANG AI TU (TAN SRI G GNANALINGAM, THIRD PARTY & ORS) [2018] MLJU 2069 (TAB C, Ikatan Autoriti RESPONDEN-RESPONDEN)** yang mana di dalam kes ini Yang Arif Hakim Gunalan Muniandy telah membuat dapatan bahawa :-

[18] Central to the issues for determination in this case is the position held by OC Phang in PKA at the material time. She was appointed as the GM of PKA pursuant to eight (8) letters issued by the Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia to her over the period from 20.8.1997 to 7.6.2007 ('Contract of Employment') which informed OC Phang that she had been loaned out to PKA as the General Manager.

[19] The crux of PKA's case against OC Phang was that as the GM she was an employee of PKA who was required to act in PKA's best interests at all material

times. This included, but not limited to, the duty imposed on her to keep PKA's Board of Directors updated on all PKA's dealings and matters, particularly in relation to the PKFZ Project, and obtaining their approval before taking any steps pertaining to the PKFZ Project.

Yang Arif Hakim selanjutnya memutuskan bahawa sebagai Pengurus, ianya harus mempunyai pengetahuan berkenaan akaun dan rekod Syarikat dan Pengurus juga mempunyai tanggungjawab fidusiari terhadap Syarikat.

[26] OC Phang's responsibilities as the GM of PKA are, inter alia, laid down in S. 14, PAA under which she was responsible for exercising "supervision and control over the acts and proceedings of all officers and servants of the authority in matters of executive administration and in matters concerning the accounts and records of the authority, and, subject to any rules made under this Act, deal with matters relating to the service of such officers and servants and their pay, privileges and allowances.

[27] PKA was also right in contending the given that breadth of her responsibilities, OC Phang was undoubtedly a senior employee of PKA. Consequently, that OC Phang owed fiduciary, contractual and/or common law duties to PKA.

Berdasarkan kepada minit mesyuarat serta kes di atas, adalah wajar dan benar sepertimana yang dinyatakan oleh SR-1 bahawa beliau telah mendapat nasihat daripada Pengurus berkenaan perkara ini. Pernyataan SR-1 tidak bercanggah sepertimana didakwa oleh Pemohon. Di samping perkara-perkara yang dihujahkan di atas, pihak Responden-Responden ingin menarik perhatian pihak Tribunal ini berkenaan nota-nota prosiding yang dirujuk oleh Pemohon dalam membuat hujahan di bawah isu ini. Jika diteliti nota-nota prosiding yang dirujuk oleh pihak Pemohon, soalan-soalan yang diajukan kepada Responden-Responden antaranya adalah berkenaan kemampuan Koperasi membuat pembelian hartanah-hartanah ini, pembelian hartanah ini tidak mendapat kelulusan SKM, dan pembelian hartanah ini tidak menguntungkan. Peguam Responden-Responden berhujah bahawa soalan-soalan yang diajukan ini adalah tidak relevan dengan kausa tindakan yang dipidkan oleh pihak Pemohon terhadap Responden-Responden. **Kausa tindakan terhadap Pemohon adalah jelas bahawa kononnya Responden-Responden menggunakan tiga (3) dana pinjaman untuk membiayai pembelian hartanah-hartanah ini dan bukannya dakwaan berkenaan kecuaiian Responden-Responden dalam menguruskan koperasi dan/atau kelemahan pentadbiran dan kepimpinan Responden-Responden di dalam koperasi sepertimana hujahan-hujahan Pemohon.**

8. Peguam Responden-Responden menafikan hujahan Pemohon bahawa Responden-Responden sebagai Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari merupakan '**decision maker**' kepada Koperasi. Hujahan Pemohon ini adalah jelas salah disisi undang-undang takbir urus Koperasi. Peguam Responden-Responden berhujah bahawa sebagai Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari mereka mempunyai tugas masing-masing. Tugas-tugas mereka ini telah dinyatakan dengan jelas di dalam penyata saksi-penyata saksi mereka yang telah ditandakan sebagai **PSR-1, PSR-2** dan **PSR-3**. Dalam apa jua keadaan sekalipun Responden-Responden bukanlah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan sepertimana yang didakwa oleh Pemohon. Adalah dihujahkan bahawa sesuatu keputusan yang dicapai oleh Pemohon mestilah melalui perbincangan dan pengundian oleh pihak ALK Pemohon. Berkenaan isu tatacara membuat keputusan oleh pihak Koperasi, saksi Pemohon sendiri iaitu **Dato Kamarulzaman Bin Mat Salleh (SP-2)** semasa sesi soal balas bersetuju dengan Peguamcara Responden-Responden bahawa proses membuat keputusan oleh pihak Koperasi adalah melalui perbincangan dan pengundian oleh pihak ALK. (*Rujuk Nota Keterangan bertarikh 6.12.2022, muka surat 8, Soalan 13 dan 14*):

S13: Setuju dengan saya apa-apa keputusan yang dibuat dan/atau diambil oleh pihak koperasi mestilah melalui perbincangan semasa mesyuarat ALK. Betul?

J: Setuju.

S14: Dan selepas perbincangan telah dibuat semasa mesyuarat ALK, akan berlaku proses pengundian. Setuju?

J: Setuju.

Peguam Responden-Responden berhujah bahawa pada setiap masa material, Responden-Responden tidak pernah pada bila-bila masa menyatakan dan/atau memberi keterangan bahawa kesemua pihak ALK bersetuju dengan setiap pembelian hartanah-hartanah tersebut sepertimana di dakwa oleh Pemohon. Hujahan Pemohon ini adalah sesuatu yang salah dan terpesong. Peguam Responden-Responden berhujah bahawa pada setiap masa material Responden-Responden menyatakan bahawa setiap tindakan Responden-Responden adalah daripada kelulusan ALK sendiri selepas ianya dibentangkan dan dibincangkan semasa mesyuarat Lembaga. Keterangan- keterangan ini selari dan konsisten dengan bukti-bukti dokumentari iaitu minit-minit mesyuarat yang telah dikemukakan di hadapan Tribunal ini:-

a)Keputusan pembelian **WARISAN CITYVIEW 3** - Sila rujuk Ikatan D, muka surat 35 (agenda 12) dan Ikatan D muka surat 253-263 (perkara 4);

b)Keputusan pembelian **TANAH KOPIIM** – Sila rujuk Ikatan D, muka surat 129-130 (perkara 3);

c)Keputusan pembelian **TANAH MALIMJAYA, TG MALIM** - Sila rujuk Ikatan D, muka surat 67 (perkara 16) – Daripada minit ini juga jelas tercatat bahawa saksi Pemohon sendiri memaklumkan ALK tidak membantah pembelian tanah ini

“En Kamarulzaman B Mat Salleh memaklumkan ALK tiada bantahan cuma pihak perunding perlu menyediakan kertas kerja berkaitan potensi pembangunan tanah tersebut....”

d)Keputusan pembelian **KL PALACE** - bagi tanah ini ianya dibuat bukan semasa penggal Responden-Responden menjadi Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari dan Perjanjian Jual Beli Tanah ini bukan ditandatangani oleh R2 dan R3.

Menjawab hujahan Pemohon yang mana Pemohon telah merujuk dokumen **Ikatan D, muka surat 35, Agenda 12** untuk menyokong hujahan Pemohon, Keterangan Responden-Responden berkenaan dokumen ini dapat dilihat pada **Perenggan 14 Borang B (sila rujuk Ikatan B, muka surat 6) :-**

“14. Responden-Responden menyatakan bahawa bagi pembelian Cityview Unit C3, semasa Mesyuarat Agung Tahunan pada 28.5.2015 (Agenda 12), majority anggota Pemohon yang hadir bersetuju sebulat suara memberi kuasa kepada Anggota Lembaga meluluskan pembelian Cityview Unit C3.....”

Di sini jelas menunjukkan bahawa Peguam Responden-Responden memplidkan bahawa keputusan Mesyuarat Agung ini **adalah berdasarkan majoriti dan bukannya kesemua ALK bersetuju** sepertimana diujahkan oleh Pemohon. Peguam Responden-Responden sekali lagi menegaskan bahawa Responden-Responden tidak pernah pada bila-bila masa memberi keterangan di dalam kes di hadapan Tribunal ini bahawa kesemua ALK bersetuju tetapi Responden-Responden memberi keterangan bahawa ini adalah keputusan ALK dan Mesyuarat Agung selepas proses perbincangan dan pengundian oleh pihak ALK. Adalah diujahkan bahawa walaupun Responden-Responden memegang jawatan sebagai Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari, ianya tidak mengubah fakta dan undang-undang bahawa mereka tidak mempunyai kuasa yang lebih daripada ALK-ALK yang lain. Kuasa Responden-Responden adalah sama dan setara dengan ALK yang lain ianya termasuk dan tidak terkecuali kuasa mengundi Responden-Responden. Kuasa mengundi mereka juga sama yang mana setiap mereka hanya mewakili 1 undi. Oleh yang demikian, jika pihak ALK secara majoriti telah membuat keputusan bersetuju untuk pembelian-pembelian hartanah ini selepas dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga, Responden-Responden adalah terikat di bawah peruntukkan **SEKSYEN 44 (2) (U) UNDANG-UNDANG KECIL**

PEMOHON (Sila rujuk Ikatan D, muka surat 11) yang mana memperuntukkan bahawa:-

“Memasuki perjanjian bagi pihak Koperasi dan dimeterai mohor Koperasi serta ditandatangani oleh pengerusi, setiausaha dan bendahari atau orang lain diberi kuasa oleh Lembaga”

Adalah dihujahkan bahawa ianya menjadi tanggungjawab Responden-Responden untuk menandatangani perjanjian-perjanjian jual beli yang dimasuki oleh Pemohon semasa penggal Responden-Responden menjadi Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari selaras dengan undang-undang kecil Pemohon. Tidak ada apa-apa bukti di hadapan Tribunal ini menunjukkan bahawa Responden-Responden telah bertindak lebih daripada kuasa dan kebenaran yang diberikan oleh pihak ALK semasa penggal responden-responden tersebut. Peguam Responden-Responden berhujah bahawa kesemua ALK mempunyai tanggungjawab fidusiri ke atas Pemohon dan bukanlah seperti dihujahkan bahawa hanya Responden-Responden mempunyai tanggungjawab fidusiri ke atas Pemohon dan pihak ALK. Peguam Responden-Responden menegaskan bahawa ianya adalah undang-undang yang jelas bahawa Responden-Responden tidak mempunyai tanggungjawab fidusiri ke atas ALK yang lain. **Walaubagaimanapun, Peguam Responden-Responden ingin berhujah bahawa Pemohon adalah diestop untuk berhujah berkenaan perkara-perkara isu pelanggaran tanggungjawab berhati-hati dan kecuaiian (*breach of duty of care and negligence*) sepertimana dihujahkan kerana ini bukanlah kausa tindakan yang diplidkan di dalam Borang A Pemohon. Berkenaan isu-isu ini, ianya telah pun dihujahkan dan diputuskan oleh pihak Panel Tribunal terdahulu semasa permohonan Pemohon untuk meminda Borang A dengan memasukkan kausa-kausa tindakan ini yang mana pihak Panel Tribunal telah menolak dan tidak membenarkan permohonan pindaan Pemohon tersebut atas sebab ianya merupakan kausa-kausa tindakan yang baru dan berlainan daripada kausa tindakan asal Borang A dan bertentangan dengan undang-undang yang diperuntukkan berkenaan dengan pindaan pliding. Walaupun isu ini telahpun diputuskan, pihak Pemohon telah beberapa kali membuat percubaan memasukkan dan membahas isu ini antaranya ianya di masukkan ke dalam penyata saksi Pemohon-Pemohon yang mana pihak Responden-Responden telah membantah dan dibenarkan. Kini pihak pemohon sekali lagi cuba membahas dan berhujah berkenaan kausa tindakan ini di dalam hujahan bertulis. Peguam Responden-Responden berhujah bahawa percubaan-percubaan oleh pegumcara Pemohon ini boleh dinggap sebagai tindakan *unethical* oleh pengamal undang-undang. Ianya adalah undang-undang yang jelas dan nyata bahawa pihak-pihak adalah terikat dengan pleadings sepertimana diputuskan di dalam kes Mahkamah Persekutuan **INSTANTCOLOR SYSTEM SDN BHD v INKMAKER ASIA PACIFIC SDN BHD [2017] 2 MLJ 697 (TAB D, Ikatan Autoriti RESPONDEN-RESPONDEN)****

“It is a cardinal rule that parties are bound by their pleadings and are not allowed to adduce facts and submissions on matters which they had not pleaded. Cases must

be decided on the issues on the record; and if it is desired to raise other issues they must be placed on the record by amendment (see: State Government of Perak v Muniandy [1986] 1 MLJ 490; Anuar bin Mat Amin v Abdullah bin Mohd Zain [1989] 3 MLJ 313; and Blay v Pollard and MoResponden-Respondenis [1930] 1 KB 628).

The issues of constructive trust, fraud and fraudulent breach of trust as raised by the plaintiff are vital issues in bringing into play the exceptions to limitation period under s 22 of the Act. They must be specifically pleaded in the pleadings, failing which, as rightly held by the Supreme Court in Lee Ah Chor v Southern Bank Bhd [1991] 1 MLJ 428, they 'could not be allowed to be argued and to succeed on appeal'.

Bersandarkan kepada keputusan Panel Tribunal sebelum ini dan kes Mahkamah Persekutuan di atas, Peguam Responden-Responden berhujah bahawa Pemohon adalah diestop untuk berhujah perkara-perkara yang dinyatakan kerana ianya bukanlah kausa tindakan Pemohon selainnya ianya tidak pernah dihidkan dan merupakan kausa tindakan yang berbeza sebagaimana yang telah diputuskan oleh Panel terdahulu. Dalam apa jua keadaan sekalipun, Responden-Responden menegaskan bahawa pada setiap masa material Responden-Responden telah menjalankan dan/atau melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan dengan *bona fide* untuk memastikan pentadbiran dan pengurusan Pemohon berjalan lancar dan teratur menurut Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil Pemohon.

9. Selanjutnya, Peguam Responden-Responden menghujahkan bahawa Responden-Responden tidak mempunyai tanggungjawab terhadap kerugian yang dialami oleh Pemohon atas sebab kerugian yang dihidkan gagal dibuktikan oleh pihak Pemohon. Pihak Pemohon di dalam penyata saksi, dokumen-dokumen dan semasa soal balas langsung tidak menyentuh isu kerugian yang kononnya ditanggung oleh Pemohon. Di samping itu juga, Peguam Responden-Responden berhujah bahawa kerugian yang kononnya ditanggung oleh Pemohon mestilah dibuktikan di hadapan Tribunal dan bukanlah sekadar ianya dihidkan sudah mencukupi untuk Pemohon layak mendapat kesemua kerugian-kerugian yang didakwa tersebut. Peguam Responden-Responden bersandarkan kepada kes Mahkamah Rayuan **KERAJAAN MALAYSIA (JABATAN KERJA JAYA) v HANAZ SDN BHD [2021] 1 MLJ 45 (TAB E, Ikatan Autoriti Responden-Responden)** yang mana di dalam kes ini Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa:-

- (2) *Tidak ada alasan dalam penghakiman PK yang bijaksana yang menunjukkan bahawa beliau mengutamakan keterangan saksi plaintif daripada saksi defendan. PK yang bijaksana menerima keseluruhan laporan SPI mengenai kehilangan anggaran keuntungan tanpa menilai keterangan SPI yang dicabar oleh defendan. Tidak ada penemuan yang dibuat oleh PK yang bijaksana bahawa kaedah yang digunakan oleh SPI dalam laporannya sebagai cara*

yang munasabah untuk menilai kerugian keuntungan dan bahawa plaintif telah membuktikan kesnya. Tidak ada keterangan yang boleh dipercayai oleh plaintif untuk membuktikan bahawa plaintif telah mengalami kerugian keuntungan sebanyak RM13,438,082.60 atau RM6,225,000 sebagai apa yang diberikan oleh PK yang bijaksana. Tidak ada asas pemberian 15% untuk kerugian keuntungan. PK yang bijaksana telah melakukan kesalahan pada prinsipnya dalam menilai kerosakan atas kerugian. Dalam keadaan seperti itu, plaintif tidak membuktikan tuntutan kehilangan keuntungan. Asas di mana PK yang bijaksana menilai award ganti rugi kerana kehilangan keuntungan tidak dapat disokong oleh keterangan dan undang-undang (lihat perenggan 40, 43-44 & 47).

Peguam Responden-Responden menegaskan Pemohon gagal membuktikan kerugian-kerugian sepertimana yang dihidkan. Oleh itu, Pemohon tidak layak untuk mendapatkan kerugian-kerugian yang dihidkan. Di samping itu juga, Peguam Responden-Responden berhujah bahawa kerugian yang dihidkan oleh Pemohon iaitu kehilangan prospek pendapatan untuk jumlah RM2,547,000.00 hanyalah berdasarkan andaian semata-mata (*speculative in nature*). Kini Peguam Responden-Responden akan menjawab secara spesifik hujahan-hujahan Pemohon berdasarkan perenggan-perenggan di bawah isu ini. Pemohon terus menerus berhujah berkenaan isu bahawa Responden-Responden gagal menyemak kemampuan kewangan, gagal mendapatkan kelulusan SKM dan melanggar pra-syarat dalam membuat pembelian. Peguam Responden-Responden berhujah bahawa pihak Pemohon harus kembali melihat kepada Borang A yang mana butir-butir pertikaian Pemohon terhadap Responden-Responden di hadapan Tribunal ini adalah Responden-Responden didakwa menggunakan tiga (3) dana pinjaman untuk membiayai pembelian hartanah-hartanah ini. Peguam Responden-Responden menegaskan sekali lagi ianya bukanlah kes yang dihidkan oleh Pemohon bahawa pembelian hartanah-hartanah itu melalui prosedur yang salah dan/atau dakwaan berkenaan kecuai Responden-Responden dalam menguruskan koperasi. Selanjutnya, Peguam Responden-Responden berhujah bahawa beban pembuktian adalah di atas pihak Pemohon untuk membuktikan dakwaannya terhadap Responden-Responden yang kononnya Responden-Responden telah menggunakan tiga (3) dana Pinjaman untuk membiayai pembelian 4 Hartanah. Peguam Responden-Responden berhujah bahawa Pemohon gagal untuk membuktikan dakwaannya ini. Oleh itu, beban pembuktian masih belum berpindah kepada Responden-Responden. Menurut kes **TENAGA NASIONAL BHD v EOSS GRAND INDUSTRIES (M) SDN BHD [2013] 8 MLJ 546 (TAB F, Ikatan Autoriti Responden-Responden)** Vernom Ong H telah merujuk kepada *Selvaduray v Chinniah [1939] 1 MLJ 253(CA)* yang dimana:-

“Dalam pada itu, beban adalah pada pihak plaintif adalah : (a) beban untuk membuktikan satu kes ; dan (b) beban untuk mengemukakan keterangan. Beban ini terletak pada pihak plaintif sepanjang dan keseluruhan perbicaraan. Beban untuk mengemukakan keterangan hanya dipindah dan terletak pada pihak Defendan selepas pihak plaintif berjaya membuktikan kesnya pada tahapimbangan kebarangkalian, pihak Defendan tidak perlu mengemukakan sebarang

keterangan. Jika pihak plaintif gagal berbuat demikian, pihak plaintif tidak boleh mengatakan bahawa Defendan telah gagal untuk membuktikan pembelaannya.”

Peguam Responden-Responden berhujah bahawa Pemohon gagal membuktikannya kesnya berdasarkan imbangan kebarangkalian terhadap Responden-Responden bersandarkan kepada fakta-fakta dan keterangan-keterangan berikut:-

a) Pemohon Gagal Membuktikan Tiga (3) dana pinjaman tersebut telah masuk ke dalam Akaun Bank Muamalat Pemohon (Akaun BMMB No. 14060002776710)

- i) **SR-3** di dalam Penyata Saksinya telah memberi keterangan bahawa pembayaran-pembayaran bagi 4 hartanah yang dipertikaikan ini menggunakan Akaun BMMB No. 14060002776710.
- ii) Fakta ini telah disahkan oleh saksi Pemohon **SP-1** semasa sesi soal balas (sila rujuk Nota Keterangan bertarikh 23.12.2021, muka surat 18, soalan 104, soalan 164, soalan 267 dan soalan 286).

“S104: Setuju dengan saya bahawa semua pembayaran-pembayaran yang dibuat pada bil 1-10 bagi pembelian Warisan Cityview Unit C3 adalah dari akaun BMMB No. 14060002776710, Setuju?

J: Setuju”

“S164: Setuju dengan saya bahawa semua pembayaran-pembayaran yang dibuat pada bil 6-13 bagi pembelian tanah milik KOPIM adalah dari akaun BMMB No. 14060002776710, Setuju?

J: Setuju”

“S267: Setuju dengan saya bahawa semua pembayaran-pembayaran yang dibuat pada bil 14-18 bagi pembelian tanah milik Koperasi Malimjaya pada perenggan 5.5 Ikatan A adalah dari akaun BMMB No. 14060002776710, Setuju?

J: Setuju”

“S286: Setuju dengan saya bahawa semua pembayaran-pembayaran yang dibuat pada bil 6-11 bagi pembelian tanah KL Palace pada perenggan 5.6 Ikatan A adalah dari akaun BMMB No. 14060002776710, Setuju?”

J: Setuju”

- iii) **Tidak ada apa-apa keterangan yang diberikan oleh kedua-dua saksi Pemohon bahawa tiga (3) dana Pinjaman tersebut telah masuk ke dalam Akaun BMMB No. 14060002776710.**
- iv) **Jika dilihat pada muka surat 65 dan 66 Ikatan CA, tidak ada langsung bukti dokumentari menunjukkan tiga (3) dana Pinjaman tersebut telah masuk ke dalam Akaun BMMB No. 14060002776710.**
- v) **RESPONDEN-RESPONDEN berhujah bahawa Pemohon telah gagal membuktikan melalui keterangan saksi Pemohon dan bukti dokumentari menunjukkan bahawa tiga (3) dana pinjaman tersebut telah masuk ke dalam Akaun BMMB No. 14060002776710 iaitu akaun yang digunakan untuk membuat pembayaran-pembayaran hartanah tersebut.**

b) Terdapat dana sedia ada sebanyak RM21,094,082.06 di dalam Akaun BMMB No. 14060002776710.

- i) **Semasa sesi soal balas, SP-1 bersetuju bahawa Akaun BMMB No. 14060002776710 adalah akaun Induk Koperasi dan di dalam akaun tersebut terdapat dana-dana dalaman lain juga yang masuk ke dalam akaun induk tersebut.
(sila lihat Nota Keterangan bertarikh 23.12.2021, muka surat 29, soalan 165 dan 166)**

“S165: Setuju dengan saya bahawa akaun BMMB No. 14060002776710 adalah akaun induk koperasi?”

J: Setuju

S166: Setuju dengan saya bahawa terdapat dana-dana dalaman lain juga yang masuk ke dalam akaun induk ini?

J: Setuju”

- ii) Semasa sesi soal balas juga, **SP-1** bersetuju bahawa **terdapat dana sedia ada sebanyak RM21,094,082.06** di dalam Akaun BMMB No. 14060002776710.
(sila lihat Nota Keterangan bertarikh 22.12.2021, muka surat 6, soalan 13)

“S13: Rujuk A6, Setuju dengan saya bahawa selain daripada dana-dana yang diterima daripada pinjaman, pihak Pemohon juga ada menerima dana dalaman dari tahun Januari 2015 sehingga Disember 2016 sepertimana yang disediakan oleh Pemohon untuk jumlah sebanyak RM21,094,082.06?”

J: Setuju”

- iii) Adalah dihujahkan bahawa jika pun terdapat kemasukkan 3 dana pinjaman tersebut ke dalam Akaun BMMB No. 14060002776710 (yang mana dinafikan) Akaun Induk Koperasi tersebut mempunyai dana dalaman yang sedia ada yang mencukupi untuk menampung pembayaran-pembayaran yang dipertikaikan oleh Pemohon tersebut.
- iv) Jelas di sini bahawa dakwaan bahawa pembayaran-pembayaran yang dipertikaikan itu menggunakan tiga (3) dana pinjaman tersebut tidak dapat dibuktikan dan dipertahankan oleh pihak Pemohon.

c) Terdapat Aktiviti Kredit oleh Pemohon bagi Tahun 2014 hingga Tahun 2016.

- i) **SR-1** di dalam Penyata Saksinya (**PSR-1**) pada soalan dan jawapan 11, 13 dan 15 telah memberi keterangan berkenaan Laporan kemudahan aktiviti Pinjaman yang diberikan kepada Ahli Pemohon bagi tahun 2014, 2015 dan 2016. Keterangan-Keterangan **SR-1** adalah bersandarkan bukti dokumentari iaitu Laporan Tahunan Koperasi.
- ii) Dapatan daripada keterangan **SR-1** ini menunjukkan bahawa pada Tahun 2014 Koperasi telah memberikan pinjaman-pinjaman berikut:-

TAHUN 2014	
Skim Pembiayaan	Jumlah (RM)
Tunai	10,210,162.56

Pinjaman Pendidikan Tinggi Koperasi	63,000.00
Ansuran Barangan Pengguna	1,149,749.86
Pinjaman Kenderaan Motosikal	183,881.94
Insuran dan Cukai Jalan Kenderaan Berinjin	32,786.36
Pinjaman Pelancongan	10,921.78
JUMLAH PINJAMAN YANG DIBERIKAN BAGI TAHUN 2014	11,650,502.50

- iii) Bagi Tahun 2015 pula Koperasi telah memberikan pinjaman-pinjaman berikut:-

TAHUN 2015

Skim Pembiayaan	Jumlah (RM)
Tunai	10,422,664.19
Pinjaman Pendidikan Tinggi Koperasi	24,000.00
Ansuran Barangan Pengguna	228,552.83
Pinjaman Kenderaan Motosikal	150,203.92
Insuran dan Cukai Jalan Kenderaan Berinjin	32,432.00
Pinjaman Pelancongan	11,235.86
1KOPDBKL- Jiwa Tenang	8,872,500.00
JUMLAH PINJAMAN YANG DIBERIKAN BAGI TAHUN 2015	19,741,588.80

- iv) Manakala bagi Tahun 2016 pula Koperasi telah memberikan pinjaman-pinjaman berikut:-

TAHUN 2016

Skim Pembiayaan	Jumlah (RM)
Tunai	7,611,003.31

Pinjaman Pendidikan Tinggi Koperasi	22,000.00
Ansuran Barangan Pengguna	290,351.19
Pinjaman Kenderaan Motosikal	107,523.59
Insuran dan Cukai Jalan Kenderaan Berinjin	13,592.54
Pinjaman Pelancongan	17,011.83
1KOPDBKL- Jiwa Tenang	2,201,000.00
JUMLAH PINJAMAN YANG DIBERIKAN BAGI TAHUN 2016	10,262,482.46

- v) Adalah dihujahkan bahawa bagi penggal-penggal yang dipertikaikan, aktiviti-aktiviti kredit Pemohon masih dijalankan seperti biasa dan ini dapat menyangkal dakwaan bahawa tiga (3) dana pinjaman tersebut telah digunakan untuk pembayaran-pembayaran hartanah.
- vi) Sebagai tambahan, masa sesi soal balas, peguamcara Pemohon langsung tidak menyoal balas **SR-1** berkenaan aktiviti kredit ini. Oleh itu, keterangan ini boleh diterima sepenuhnya oleh pihak Tribunal.
- vii) Hujahan Responden-Responden bersandarkan kepada kes Mahkamah Tinggi **CAPITAL CORP SECURITIES SDN BHD v ABDUL MALEK BEH BIN ABDULLAH [2005] 7 MLJ 35 (TAB G, Ikatan Autoriti Responden-Responden)** Yang Arif Hakim Abdul Malik Ishak (pada ketika itu) memutuskan berkenaan isu gagal untuk menyoal balas sesuatu keterangan:-

"In the context of this trial before me, the failure to cross-examine proves fatal. It is only right and proper that witnesses should be challenged in the witness box so that it is announced to the whole world at large, so to speak, that the evidence tendered has been challenged and is not accepted. When the opponent has declined to put his essential and material case in cross-examination, just like the present case at hand, then it must follow as the night the day that he believed the testimony that has been given and that he could not dispute that evidence at all (AE Carapiet v AY Derderian (1961) Cal 359).

Berdasarkan hujahan-hujahan Peguam Responden-Responden di atas bahawa Pemohon gagal membuktikan tiga (3) dana pinjaman tersebut telah masuk ke

dalam Akaun Bank Muamalat Pemohon (Akaun BMMB No. 14060002776710), terdapat dana sedia ada sebanyak RM21,094,082.06 di dalam Akaun BMMB No. 14060002776710 dan aktiviti kredit oleh Pemohon bagi Tahun 2014 hingga Tahun 2016 berjalan seperti biasa untuk jumlah sebanyak RM40,266,553.72. Peguam Responden-Responden berhujah bahawa beban pembuktian masih belum berpindah kepada Responden-Responden. Bersandarkan kepada hujahan-hujahan di atas Peguam Responden-Responden juga menegaskan bahawa kegagalan Pemohon untuk membuktikan berkenaan kerugian-kerugian yang dialami oleh Pemohon maka tuntutan Pemohon yang kononnya mengalami kerugian sebanyak RM 3,896,233.40 adalah sesuatu yang tidak boleh dipertahankan dan harus ditolak oleh Tribunal ini.

10. Peguam Responden-Responden juga berhujah bahawa tindakan yang diambil terhadap Responden-Responden adalah berniat jahat dan merupakan *selective Prosecution*. Ini jelas dapat dilihat semasa sesi soal balas:-

- i) **SP-1** bersetuju bahawa **SR-2** langsung tidak terlibat dengan proses pembayaran tetapi masih dipersalahkan dan didakwa untuk bertanggungjawab terhadap pembayaran-pembayaran tersebut (*silalah rujuk Nota Keterangan bertarikh 23.12.2021 muka surat 5*);

“S34: Setuju dengan saya bahawa Responden Kedua langsung tidak terlibat dalam pembayaran ini. Setuju?”

J: Setuju

S35: Setuju dengan saya walaupun Responden Kedua tidak terlibat dengan kelulusan pembayaran RM54,000.00 ini tetapi pihak pemohon masih membuat dakwaan bahawa kononnya ini adalah kesalahan Responden Kedua. Setuju?

J: Setuju

- ii) Terdapat pihak-pihak lain yang meluluskan pembayaran tersebut termasuk SP-1 dan SP-2 tetapi tidak didakwa dan/atau dijadikan Responden dalam tindakan ini (*silalah rujuk Nota Keterangan bertarikh 23.12.2021, muka surat 6*);

“S43: Setuju dengan saya salah seorang yang authorised pembayaran ini adalah kamu ?”

J: Setuju

S44: Dan kamu tidak dijadikan responden dalam tindakan ini dan tidak dipersalahkan oleh pihak koperasi walaupun kamu telah meluluskan pembayaran ini. Setuju?

J: Setuju

- iii) Semasa sesi soal balas, SP-2 bersetuju bahawa SP-2 tidak dijadikan Responden dalam tindakan ini walaupun SP-2 merupakan ALK yang mengetuai dan/atau mentadbir urus bahagian **HARTA DAN PENYELENGGARAAN** pada penggal yang dipertikaikan; (sila rujuk Nota Keterangan bertarikh 6.12.2022 muka surat 6)

“S8: Setuju dengan saya bahawa kamu tidak dijadikan Responden dalam tindakan ini walaupun kamu adalah ALK yang mengetuai dan/atau mentadbir urus bahagian HARTA DAN PENYELENGGARAAN pada penggal yang dipertikaikan iaitu penggal 2014/2015 dan 2015/2016 ?

J: Setuju

- iv) SP-2 juga bersetuju bahawa SP-2 tidak didakwa kerana SP-2 adalah Pengerusi Pemohon sekarang; (sila rujuk Nota Keterangan bertarikh 6.12.2022 muka surat 7)

“S8: Setuju dengan saya bahawa kamu tidak dijadikan Responden dalam tindakan ini kerana kamu adalah Pengerusi Pemohon sekarang ?

J: Setuju

- v) Meletakkan tanggungjawab dan kesalahan pembayaran-pembayaran ke atas Responden-Responden walaupun terdapat sesetengah kelulusan pembayaran yang dibuat semasa penggal SP-2 menjadi Pengerusi dan pembayaran-pembayaran yang diluluskan sendiri oleh SP-2 menunjukkan wujudnya elemen-elemen *selective prosecution* di dalam tindakan di hadapan Tribunal ini;

vi) SP-1 dan SP-2 bersetuju bahawa keputusan-keputusan pembelian ini adalah dibuat oleh ALK dan bukannya keputusan RESPONDEN-RESPONDEN;

vii) Untuk **KL PALACE**, R2 dan R3 tidak menandatangani perjanjian jual beli tersebut tapi masih dipertanggungjawabkan dan didakwa (**sila rujuk Nota Keterangan bertarikh 6.12.2022, muka surat 13**)

“S35: Setuju dengan saya walaupun Khalid Bin Ahmad dan Azman bin Alias tidak menandatangani perjanjian ini tetapi mereka masih dipertanggungjawabkan dan atau didakwa terhadap pembelian hartanah ini ?

J: Setuju

viii) SP-1 bersetuju bahawa pembayaran-pembayaran tersebut adalah teratur, betul dan di dalam pengetahuan ALK. (**sila rujuk Nota Keterangan tarikh 23.12.2021, muka surat 17 soalan jawapan 102**)

“S102: Saya cadangkan bahawa semua pembayaran-pembayaran yang didakwa da/atau dipertikaikan ini adalah pembayaran yang sah dan betul serta teratur dan dalam pengetahuan penuh pihak ALK ?

J: Setuju

ix) SP-1 bersetuju bahawa Responden-Responden menandatangani perjanjian-perjanjian jual beli ini selaras dengan Undang-Undang Kecil Pemohon dan keputusan ALK. (**sila rujuk Nota Keterangan tarikh 23.12.2021, muka surat 20 soalan jawapan 114**)

“S114 Setuju dengan saya bahawa selaras dengan UUK pemohon yang memperuntukan bahawa Responden-Responden adalah pihak yang perlu menandatangani Perjanjian Jual beli bertarikh 20.10.2014?

J: Setuju

x) SP-2 semasa sesi soalan balas menjawab bahawa SP-2 meluluskan pembayaran-pembayaran tersebut kerana menjalankan tanggungjawab SP-2 tetapi apa bezanya dengan R1 dan R3 dalam meluluskan sebahagian pembayaran-pembayaran di dakwa, mereka juga

menjalankan tanggungjawab sebagai penandatangan cek. (sila rujuk Nota Keterangan bertarikh 6.12.2022, muka surat 30)

“S94: *Berkeñaan dengan pembayaran bil. 18 pula. Yang kamu dakwa Responden-Responden salah sebab gunakan duit pembiayaan. Boleh kamu rujuk m/s 299 lkatan D. Setuju dengan saya salah seorang yang luluskan pembayaran ini adalah kamu dan ianya dibuat semasa kamu menjadi pengerusi ?*

J: *Betul tetapi hanya menjalankan tanggungjawab ke atas perjanjian yang dimasuki oleh Responden-Responden atau top management yang terdahulu*

S95: *Tapi tadi kamu menyatakan Pemohon tidak ada tabungan lain melainkan Bank Muamalat dan Tabungan SKM. Jadi setuju dengan saya bahawa pembayaran yang kamu luluskan itu juga dari pembiayaan Bank Muamalat dan Tabung SKM?*

J: *Betul tetapi saya hanya menjalankan tanggungjawab saya untuk melaksanakan apa yang telah dimasuki perjanjian oleh Responden-Responden atau Top Management.*

xi) SP-2 bersetuju bahawa R1 dan R3 meluluskan pembayaran-pembayaran itu hanya sebagai menjalankan tanggungjawab mereka sebagai Pengerusi dan Bendahari ketika penggal tersebut (sila rujuk Nota Keterangan tarikh 6.12.2022 muka surat 34)

“S110 *Saya cadangkan bahawa Responden Pertama dan Responden Ketiga meluluskan semua pembayaran-pembayaran adalah sebagai satu tanggungjawab memandangkan pihak ALK-ALK telah bersetuju dengan semua pembelian-pembelian hartanah ini ?*

J: *Saya bersetuju Responden Pertama dan Responden Ketiga sebagai satu tanggungjawab tetapi tiada di dalam minit mesyuarat bahawa semua ALK-ALK bersetuju untuk membuat pembelian hartanah tersebut.*

- xii) SP-1 & SP-2 bersetuju bahawa sebagai pemilik tanah pihak ALK seharusnya mempunyai pengetahuan bahawa cukai tanah, cukai pintu dan kos penyelenggaraan bangunan harus ditanggung; **(sila rujuk Nota Keterangan bertarikh 6.12.2022 muka surat 11)**

“S22 Setuju dengan saya bahawa semasa mesyuarat ini dibuat. Pengurus telah memaklumkan berkenaan dengan semua kos-kos yang perlu ditanggung oleh pihak koperasi jika pihak koperasi setuju untuk membeli premis Warisan Cityview ini. Setuju ?

J: Setuju

- xiii) SP-1 bersetuju bahawa dakwaan bahawa pihak Pemohon harus menanggung cukai tanah, cukai pintu dan JMB selepas pihak ALK sendiri yang bersetuju dengan pembelian hartanah-hartanah tersebut adalah satu pemikiran semula dan dengan niat jahat untuk menyalahkan hanya Responden-Responden; **(sila rujuk Nota Keterangan bertarikh 23.12.2021 muka surat 19)**

“S110 Jadi dakwaan bahawa pihak Pemohon harus menanggung cukai tanah, cukai pintu dan JMB selepas pihak ALK sendiri yang bersetuju pembelian Warisan Cityview adalah jelas menunjukkan dakwaan tersebut adalah satu pemikiran semula dan dengan niat jahat untuk menyalahkan hanya Responden-Responden ?

J: Setuju.

11. Peguam Pemohon dalam hujahan balasnya menghujahkan Responden-Responden di dalam hujahan bertulisnya telah berhujah bahawa kononnya isu kredibiliti dan kompetensi Responden-Responden selaku Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari bukanlah isu yang dipertikaikan dan diplidkan oleh pihak Pemohon di dalam tindakan ini. Selain itu, Responden-Responden juga berhujah bahawa Responden-Responden telah mendapatkan nasihat konsultan atau peguam bagi membuat sesuatu keputusan, dan bahawa soalan-soalan peguamcara Pemohon mengenai kemampuan Koperasi membuat pembelian hartanah-hartanah, soal mengenai kelulusan SKM dan pembelian hartanah tidak menguntungkan tidak diplidkan di dalam Borang A. Bagi menjawab hujah-hujah ini, Pemohon berhujah bahawa isu kompetensi dan kredibiliti Responden-Responden yang dihujahkan Pemohon adalah kompetensi dan kredibiliti selaku saksi-saksi perbicaraan dan bukannya kompetensi dan kredibiliti mereka untuk setiap masa yang material sebelum tindakan ini difailkan semata-mata. Isu yang diketengahkan Pemohon di

sini adalah bukan mengenai Responden-Responden pernah merujuk kepada pihak konsultan, peguam atau pihak Pengerusi Pemohon dan bukan isu sama ada kompetensi/kredibiliti Responden-Responden sepanjang masa yang material. Sekiranya dilihat secara teliti, tujuan Pemohon berhujah mengenai kredibiliti dan kompetensi Responden-Responden adalah kerana Responden-Responden semasa perbicaraan berlangsung sentiasa menjawab 'tidak tahu' atau menyalahkan pihak peguam, konsultan dan/atau pengerusi. Isunya adalah bahawa Responden-Responden sepatutnya mempunyai pengetahuan, cakna dan/atau dapat menjawab soalan-soalan peguamcara Pemohon semasa disoal balas. Hal ini kerana, dalam apa jua keadaan Responden-Responden adalah Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Kehormat Pemohon pada setiap masa yang material yang mana antara pihak yang bertanggungjawab terus terhadap Pemohon selaku wakil ALK secara keseluruhannya. Mereka sepatutnya sekurang-kurangnya mempunyai jawapan apabila ditanya mengenai isu kewangan Pemohon, kerugian Pemohon dan soalan-soalan lain. Berdasarkan premis hujahan ini, Pemohon berhujah bahawa keterangan Responden-Responden tidak membantu pihak Tribunal ini dalam membuat keputusan, dengan kata lain Responden-Responden selaku saksi-saksi perbicaraan adalah tidak kompeten. Hal ini juga ditambah dengan hujah dan fakta yang gagal dipatahkan Responden-Responden bahawa kenyataan SR-3 di dalam penyata saksinya bahawa kononnya beliau tidak menjawat jawatan selaku Bendahari jelas adalah bercanggah dan/atau satu penipuan dengan bukti dokumentari yang sedia ada.

12. Selanjutnya, sekiranya dibaca pada Perenggan 3, Perenggan 5.2, Perenggan 5.10, dan Perenggan 5.11 Borang A, adalah jelas telah menyebut bahawa kausa tindakan Pemohon adalah PENYALAHGUNAAN KUASA DALAM PENGURUSAN KEWANGAN dan bukannya mengenai perbuatan Responden-Responden menggunakan tiga (3) dana pinjaman. Walaupun pliding yang diplidkan Pemohon tidak terperinci (dan bahawa permohonan pindaan Borang A telah dibuat namun ditolak oleh Tribunal ini), ianya masih tidak mengubah fakta bahawa kausa tindakan Pemohon adalah penyalahgunaan kuasa yang mana penyalahgunaan kuasa ini dijelaskan dengan lebih lanjut di dalam Perenggan 5.1 Borang A yang menyebut seperti berikut:

ADALAH DISYAKI BAYARAN YANG DITANDA DENGAN TULISAN MERAH TELAH DIBUAT DENGAN MENGGUNAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA SUMBER PEMBIAYAAN LUAR TERSEBUT (PINJAMAN DARIPADA BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD DAN TMP-JPK)

Hanya dengan melihat kepada Borang A ini sahaja, pihak Tribunal ini boleh memahami bahawa kausa tindakan Pemohon iaitu penyalahgunaan kuasa ini dibuktikan dan dihuraikan dengan penggunaan dana-dana luar oleh Responden-Responden, yang mana secara tidak langsung bersangkutan dengan isu penyalahgunaan yang lain seperti pembelian tanpa kelulusan SKM dan sebagainya. Tambahan lagi, isu mengenai kemampuan Pemohon membeli hartanah-hartanah tersebut, dan pembelian yang tidak menguntungkan tersebut adalah secara jelasnya

diplidkan di dalam Perenggan 5.11, 5.12, dan 'prayers' Pemohon di dalam Borang A yang mana secara kesimpulannya menyebut bahawa penyalahgunaan kuasa oleh Responden-Responden ini telah menyebabkan Pemohon terpaksa menanggung pelbagai kos tambahan yang mana adalah satu bentuk kerugian kewangan Pemohon. Berdasarkan alasan yang sama, Pemohon berhujah bahawa adalah tidak menjadi isu atau kesalahan bagi peguamcara Pemohon, untuk membangkitkan soalan-soalan pemeriksaan mengenai kelulusan SKM, kemampuan kewangan Pemohon dan pembelian hartanah-hartanah tersebut adalah sememangnya merugikan Pemohon, ketika perbicaraan. Adalah tidak adil terhadap Pemohon sekiranya kesemua soalan balas semasa perbicaraan, hujahan bertulis dan sebagainya dibantah atas alasan ianya tidak pernah diplidkan langsung, walhal bukan sahaja ianya telah diplidkan secara nyata, malah Pemohon tidak mempunyai sebarang merit lain sekiranya kesemua merit kes Pemohon dibantah. Oleh yang demikian, Responden-Responden adalah diestop daripada berhujah bahawa kononnya isu-isu seperti kelulusan SKM, kemampuan kewangan dan kerugian yang dialami Pemohon tidak pernah diplidkan di dalam Borang A tersebut.

13. Peguam Pemohon dalam hujahan balasnya juga menghujahkan Responden-Responden di dalam hujahan bertulisnya telah berhujah bahawa pihak Responden-Responden bukanlah 'decision maker' atau pembuat keputusan seperti yang didakwa Pemohon. Selain itu, Responden-Responden berhujah bahawa Responden-Responden tidak pernah sama sekali mengatakan bahawa kesemua pihak ALK telah bersetuju dengan pembelian hartanah-hartanah tersebut. Pemohon berhujah bahawa dalam apa jua keadaan sekalipun, Responden-Responden di dalam penyata saksi masing-masing serta semasa sesi pemeriksaan balas tidak pernah mengatakan bahawa terdapat beberapa pihak yang tidak bersetuju akan pembelian beberapa hartanah tersebut seperti contoh hartanah Warisan Cityview, atas alasan bahawa terdapat hartanah lain yang telah dibeli dan hendak dibina iaitu hartanah di Kampung Attap. Responden-Responden di dalam penyata saksi masing-masing menyatakan seolah-olah kesemua ahli ALK telah bersetuju terhadap setiap pembelian hartanah tersebut yang mana tidak pernah menyebut tentang fakta bahawa terdapat beberapa pihak yang tidak bersetuju akannya.

PSSR-3 (AZMAN BIN ALIAS)

12. Q: Pada perenggan 5.3 Pernyataan Pertikaian, Pemohon telah mendakwa bahawa pada tahun 2015 sebanyak RM287,540.00 dan pada tahun 2016 sebanyak RM2,500,781.50 Responden telah menggunakan dana Pinjaman daripada BMMB dan TMPJPK untuk membiayai pembelian Warisan Cityview Unit C3. Apakah Respon Kamu?

A: **Berkenaan dengan pembelian Warisan Cityview Unit C3 ini, semasa Mesyuarat Agong Tahunan dan Mesyuarat Lembaga Pemohon telah bersetuju dan meluluskan pembelian Cityview Unit C3. Jadi selaras dengan kelulusan-**

kelulusan yang diterima, Perjanjian Jual Beli telah ditandatangani pada 2.12.2015 oleh saya selaku Setiausaha Kehormat Pemohon, Dato Yapri selaku Pengerusi Pemohon dan En Azman selaku Bendahari Kehormat pada ketika itu. Walaubagaimanapun berkenaan dengan pembayaran-pembayaran bagi pembelian Warisan Cityview C3, saya selaku Setiausaha Kehormat langsung tidak terlibat dalam proses pembayaran.

PSSR-1 (YAPRI KAMARUZAMAN BIN KUSHAIRI)

23. Q: Sila rujuk m/s 253 – 263 Ikatan D. Apakah dokumen ini?

A: Ini adalah minit Mesyuarat Bulanan Anggota Lembaga (MBA) Pemohon kali ke-6 bagi penggal 2015/2016 yang diadakan pada 30.10.2015 bertempat di Bilik Mesyuarat, Pemohon. Dalam Mesyuarat ini jika dilihat pada Perkara 4, Ahli Lembaga Pemohon telah membincangkan berkenaan pembelian Bangunan Warisan Cityview. Pengurus telah memaklumkan semasa mesyuarat tersebut bahawa sekiranya ALK bersetuju untuk membeli, 3 ALK teratas harus sign S&P. Pengurus juga telah memaklumkan bahawa terdapat bayaran-bayaran lain yang harus ditanggung seperti bayaran guaman, GST dan setem duti. Di akhir berbincangan ALK bersetuju meneruskan pembelian bangunan CityView C3 tersebut.

14. Peguam Pemohon dalam hujahan balasnya turut menghujahkan Responden-Responden di dalam hujahan bertulisnya berhujah bahawa Pemohon tidak pernah menyentuh isu kerugian yang kononnya ditanggung oleh Pemohon. Selain itu, Responden-Responden juga berhujah bahawa kerugian-kerugian tersebut hendaklah dibuktikan di hadapan Tribunal, selain berhujah bahawa kehilangan prospek pendapatan sebanyak RM2,547,000.00 tersebut adalah bersifat andaian semata-mata, serta isu-isu seperti kegagalan mendapatkan kelulusan SKM, pelanggaran prasyarat pembelian tidak pernah diplidkan di dalam Borang A. Responden-Responden juga berhujah bahawa Pemohon gagal membuktikan melalui apa-apa keterangan bahawa ketiga-tiga dana pinjaman tersebut telah masuk ke akaun BMMB Pemohon dan juga berhujah bahawa dana sedia ada akaun BMMB Pemohon tersebut telah bercampur dengan dana-dana dalaman yang lain. Bagi menjawab hujah-hujah ini, Pemohon berhujah bahawa isu mengenai kerugian telahpun disentuh di dalam penyata saksi dan semasa sesi pemeriksaan balas terhadap Responden-Responden (Jawapan kepada Soalan No. 15, 31, 48, 57, 63, 66 Penyata Saksi SP-2). Pemohon seterusnya merujuk kepada Nota Prosiding seperti di bawah:

KHALID BIN AMAT (SR-2)

- S20 Saya cadangkan kepada Encik, bahawa pembelian Unit C3 Cityview ini, tidak menguntungkan Pemohon, malah Pemohon perlu menanggung kos-kos tambahan, setuju?
- J Saya tidak setuju, ini sudah jadi lain.
- S21 Saya rujuk muka surat 31 dokumen CB, ini adalah surat daripada Tetuan Sanisah Abdul Sani yang mewakili Pemohon, yang mana mengatakan bahawa pihak Pemohon telah membayar sebanyak RM32,400.00 kepada pihak penjual sebagai bayaran faedah. Setuju?
- J Saya tidak setuju mengenai pembayaran ditanyakan kepada saya kerana saya tidak terlibat langsung dalam bidang tugas kewangan koperasi.
- S22 Saya cadangkan berdasarkan dokumen, satu pembayaran sebanyak RM32,400.00 bagi membayar faedah pembayaran lambat telah dibuat kepada pihak penjual Hartanah C3 Cityview, setuju?
- J Saya katakan tadi saya tidak setuju kerana saya tidak dimaklumkan.
- S23 Saya rujuk soalan nombor 14 Encik. Pemohon mendakwa bahawa sebanyak RM3 juta dana pada tahun 2015 dan RM2,625,360.00 dana pada tahun 2016 daripada BMMB dan TMP-JPK telah digunakan untuk membiayai pembelian tanah KOPIIM, adakah Encik maklum mengenai dana-dana dalam soalan ini?
- J Saya tidak ingat.
- S24 Boleh sahkan adakah Encik memegang jawatan selaku setiausaha ketika penggal-penggal tersebut iaitu ketika pembelian hartanah KOPIIM dibuat?
- J Saya Setiausaha semasa itu.
- S49 Saya rujuk kepada muka surat 76 dokumen CD, setuju atau tidak dengan saya bahawa memang masa ini pemohon sedang bermasalah dari segi kewangan kerana adanya satu writ saman difailkan terhadap pemohon akibat memasuki pembelian hartanah ini?

J Saya tidak pasti soalan ini. Ini tanggungan pemohon. Mengikut dokumen pemohon mempunyai masalah dari segi kewangan.

S50 Saya rujuk kepada muka surat 60, 62 dan 77 dokumen CD, setuju dengan saya bahawa ini menunjukkan satu jumlah faedah yang besar yang perlu dibayar oleh pemohon akibat kelewatan pembayaran ansuran bagi membeli hartanah tersebut?

J Saya tidak pasti masalah ini dihadapi oleh pemohon. Saya tidak pasti apa masalah sehingga lambat bayar.

AZMAN BIN ALIAS (SR-3)

S15 Saya rujuk muka surat 22 dan 23 (v) - (a) dan (b), dokumen CB. Saya cadangkan, bahawa kelulusan SKM sekiranya ada, adalah bersyarat, dan antara syarat-syaratnya adalah pembelian hartanah tersebut hendaklah menjadi satu pelaburan yang menguntungkan dan dapat memberi pulangan yang baik. Setuju?

J Saya setuju tetapi ahli lembaga terkemudian tidak menjalankan tanggungjawab sehinggakan bangunan itu tidak dapat disewakan kepada org lain.

S16 Saya cadangkan kepada Encik, bahawa pembelian unit C3 Cityview ini tidak menguntungkan Pemohon, malah pemohon perlu menanggung kos-kos tambahan. Setuju?

J Ini adalah daripada kesilapan pentadbiran yang baru yang tidak dapat manage bangunan tersebut sehingga ia tidak dapat disewakan kepada org lain.

S17 Saya rujuk muka surat 31 dokumen CB, ini adalah surat daripada Tetuan Sanisah Abdul Sani yang mewakili Pemohon, yang mana mengatakan bahawa pihak pemohon telah membayar sebanyak RM32,400.00 kepada pihak penjual sebagai bayaran faedah lewat bayar. Setuju?

J Berdasarkan dokumen saya setuju.

S18 Setuju atau tidak ketika berlaku kelewatan pembayaran, Encik adalah bendahari jika melihat kepada tarikh surat. Setuju?

J Kalau ikut tarikh dari surat ini saya memang bendahari tetapi saya tidak dimaklumkan oleh pengurus bahawa ada pembayaran yang telah lewat.

Bagi menjawab hujah Responden-Responden bahawa kononnya Pemohon gagal membuktikan dana dari kesemua sumber tersebut pernah masuk ke akaun Pemohon, Pemohon berhujah bahawa perkara ini tidak perlu dibuktikan kerana

sudah terang lagi bersuluh bahawa isu kemasukan ini tidak pernah dipertikaikan oleh Responden-Responden semasa perbincangan, malah tidak pernah dihidkan oleh Responden-Responden di dalam Borang B dan adalah satu perbuatan pemikiran terkemudian (afterthought) yang jelas. Selain itu, Responden-Responden semasa disoal balas hanya menjawab bahawa terdapat percampuran atas sumber-sumber lain selain dari TMP-JPK dan pembiayaan Bank Muamalat. Responden-Responden juga semasa disoal balas tidak mempertikaikan penggunaan dan/atau kemasukan dana-dana ke dalam Bank Muamalat Pemohon yang mana kesemua dana tersebut dimasukkan seperti mana yang dicatatkan di dalam Nota Prosiding:

KHALID BIN AMAT (SR-2)

S4 Encik ingat atau tidak loan yang masuk di BMMB semasa Januari 2015 dan loan TMP tahun 2015. Ingat atau tidak berapa duit yang ada di BMMB selepas loan masuk?

J **Saya tidak ingat berapa jumlah. Tapi banyak.**

S5 Encik memang mengesahkan bayaran-bayaran yang dibuat bukan menggunakan loan tersebut?

J **Saya tidak pasti sebab duit yang masuk pelbagai. Maklum daripada Pengerusi dan Bendahari dan bukan 1 item sahaja duit yang masuk. Ada pinjaman ahli dari Bank Rakyat dan dari Datuk Bandar**

AZMAN BIN ALIAS (SR-3)

S3 Saya rujuk borang A, boleh Encik sahkan tarikh pembayaran bilangan 1 ini dibuat semasa Encik menjadi bendahari?

J Saya mengesahkan pembayaran ini adalah dilakukan semasa saya menjawat jawatan bendahari koperasi dan adalah menjadi tanggungjawab saya untuk membayar apabila pihak-pihak telah menandatangani sesuatu perjanjian dan telah diluluskan oleh Mesyuarat ALK.

S4 Saya rujuk muka surat 2 Dokumen CA, setuju dengan saya ini adalah

pinjaman yang diluluskan oleh Bank Muamalat bertarikh 19 Januari 2015?

J Kalau mengikut dokumen saya setuju. Tetapi saya tidak diberitahu oleh pengurus bahawa pinjaman ini telah dimasukkan ke dalam akaun koperasi.

S5 Boleh Encik sahkan adakah Encik bendahari ketika pinjaman ini diluluskan?

J Saya menjadi bendahari mulai 26 Jun 2014 dan 2015 memang saya telah menjadi bendahari.

S19 Saya rujuk muka surat 56, 58, 60, 73, 75, 76, 81, 84 dokumen CB ini, boleh semak satu-satu. Boleh Encik sahkan dokumen-dokumen ini adalah ditandatangani oleh Encik?

J Memang dokumen bayaran ini telah saya tandatangan tetapi atas tanggungjawab sebagai bendahari.

S20 Setuju dengan saya, bahawa dokumen-dokumen ini adalah pembayaran yang dibuat menggunakan akaun Muamalat pemohon?

J Pembayaran-pembayaran ini adalah daripada akaun induk koperasi iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad.

S21 Setuju dengan saya, bahawa dana dari Bank Muamalat ini, adalah untuk digunakan bagi membiayai aktiviti-aktiviti ahli sahaja, dan bukannya membeli mana-mana hartanah?

J Seperti yang saya cakap tadi akaun induk adalah akaun Bank Muamalat Malaysia Berhad di mana segala duit koperasi masuk disitu, seperti pembayaran pinjaman, pembayaran pinjaman ahli, pinjaman TMP, atau pinjaman Bank Muamalat. Jadi kita tidak boleh tahu ia duit pinjaman atau duit daripada ahli.

Mengenai isu dana yang telah bercampur, Pemohon menegaskan kembali hujahan Pemohon yang menyebut bahawa walaupun Responden-Responden mengatakan akaun Pemohon mempunyai dana-dana yang bercampur, sering kali pihak SR-3

seolah-olah hanya memberikan jawapan yang menimbulkan 'the benefit of the doubt' dan gagal menyangkal atau membuktikan secara dokumentari (sebagai contoh sebarang penyata akaun Pemohon) bahawa sememangnya Responden-Responden telah menggunakan dana luar daripada kemudahan pembiayaan dari Bank Muamalat.

15. Peguam Pemohon menyatakan Responden-Responden berhujah bahawa tindakan Pemohon ini merupakan satu tindakan jahat dan adalah satu bentuk *selective prosecution* atau pendakwaan terpilih. Responden juga berhujah bahawa terdapat pihak-pihak lain yang terlibat dengan pembelian hartanah-hartanaah tersebut. Pemohon berhujah bahawa Responden-Responden sepatutnya memanggil pihak-pihak tersebut sebagai saksi bagi memihak kepada mereka. Namun begitu, Responden-Responden tidak pula memasukkan mereka sebagai sebahagian saksi-saksi bagi Responden-Responden bagi menyokong isu tersebut. Pemohon juga berhujah bahawa tindakan ini diambil terhadap Responden-Responden kerana Responden-Responden adalah wakil bagi pihak ALK pada setiap masa material dan juga adalah pihak yang menandatangani Perjanjian Jual Beli, dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Hal ini diakui oleh Responden-Responden di dalam hujahan bertulisnya yang mana mengatakan bahawa Pengurus adalah pekerja yang diupah oleh pihak ALK yang mana bertanggungjawab untuk memberi laporan kepada Koperasi. Hal ini jelas membuktikan bahawa wujudnya prinsip 'duty of care' dan/atau tanggungjawab fidusiari atas hubungan yang wujud antara Responden-Responden iaitu pekerja kepada ALK dan/atau Pemohon. Pemohon juga berhujah bahawa disebabkan Responden-Responden adalah wakil kepada ALK/pekerja ALK, adalah tidak logik untuk Pemohon mengambil tindakan terhadap ALK lain yang mana bilangannya ramai dan sering berubah-ubah berbanding Responden-Responden dalam sepanjang masa yang material.

KEPUTUSAN PANEL TRIBUNAL KOPERASI

16. Bebanan yang perlu Panel Tribunal pertimbangkan di dalam kes ini adalah adakah atas imbalan kebarangkalian Pemohon telah membuktikan tuntutan mereka seperti dinyatakan di perenggan 2 di atas.

17. Panel Tribunal secara sebulat suara mendapati setelah mempertimbangkan kesemua keterangan yang diberikan, dokumen-dokumen yang difailkan dan hujahan-hujahan pihak-pihak, Pemohon telah gagal membuktikan tuntutananya.

18. Terlebih dahulu, Panel Tribunal ingin menyatakan Panel Tribunal tidak bersetuju dengan hujahan peguam Pemohon di dalam hujahan balasnya di perenggan 12 di atas bahawa kausa tindakan salah guna kuasa dalam pengurusan kewangan yang diplidkan di Borang A adalah bukannya tertakluk mengenai perbuatan Responden-Responden menggunakan tiga (3) dana pinjaman sahaja untuk pembelian 4 hartanah. Ianya juga tentang tidak mendapat kelulusan SKM, keperluan Koperasi menanggung kos baru, kos-kos guaman, bayaran penalti serta kehilangan pendapatan faedah dan prospek pendapatan. Pada pandangan Panel Tribunal, jika dibaca secara menyeluruh Borang A, apa yang diplidkan adalah

memang hanya berkaitan tentang salah guna kuasa dalam penggunaan tiga dana pinjaman sahaja yang mana dikatakan tidak mendapat kelulusan SKM, yang mana akibat dana itu digunakan dikatakan bukan untuk tujuannya kerana telah digunakan untuk pembelian 4 hartanah, akibat pembelian telah menyebabkan Pemohon menanggung kos baru, kos-kos guaman, bayaran penalti serta kehilangan pendapatan faedah dan prospek pendapatan. Peguam Responden-Responden juga berhujah yang sama seperti dapatan Panel Tribunal ini di perenggan 7 dan 8 di atas.

19. Maka, dengan pertimbangan bahawa kausa tindakan yang dipidkan adalah tentang salah guna kuasa Responden-Responden dalam penggunaan tiga dana pinjaman tersebut untuk pembelian 4 hartanah, Panel Tribunal mendapati perkara penting yang perlu dibuktikan oleh Pemohon bagi membuktikan tuntutan adalah bahawa Responden-Responden ada kawalan kepada dana pinjaman-pinjaman dari Bank Muamalat Malaysia Berhad dan pinjaman daripada TMP-JPK sehingga membolehkan mereka menyalahgunakannya dalam pembelian 4 hartanah. Berdasarkan fakta dan dokumen yang ada, jika diteliti dana Bank Muamalat Malaysia Berhad sebanyak RM18 juta telah diterima pada 19 Januari 2015 iaitu tarikh pinjaman Bank Muamalat. Manakala dana Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia (TMP-JPK) sebanyak RM2.8 juta telah diterima pada 31 Mac 2015 iaitu tarikh surat tawaran kemudahan. Selanjutnya, dana Bank Muamalat Malaysia Berhad sebanyak RM12 juta telah diterima pada 8 Januari 2016 iaitu tarikh pinjaman Bank Muamalat.

20. Memang tidak dinafikan ketika penerimaan duit-duit ini pada tarikh-tarikh tersebut, Responden-Responden adalah Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari sehingga 24 Mei 2016. Kemudiannya,

(i)jika dirujuk pada perenggan 5.3 Ikatan A pembayaran-pembayaran dari 2015 sehingga 24 Mei 2016 bagi pembelian Warisan Cityview Unit C3 adalah:

- a)no. 1 12.8.2015 bayaran earnest deposit 2% :RM54,000;
- b)no. 2 28.10.2015 bayaran 8% daripada harga belian :RM216,000; dan
- c)no. 3 15.12.2015 bayaran guaman Iszam Kamal & Hazlan: RM17,540.

Jumlah keseluruhan adalah RM287,540.

(ii)Jika dirujuk pada perenggan 5.4 Ikatan A, pembayaran-pembayaran dari 2015 sehingga 24 Mei 2016 bagi pembelian tanah KOPIM adalah:

- a)no. 5 29.1.2015 bayaran consultan As Prima full Konsultan fee :RM160,000;
- b)no. 6 3.6.2015 bayaran batch 1 daripada baki RM5,580 juta :RM1.5 juta;
- c)no. 7 18.6.2015 bayaran batch 2 daripada baki RM4,080 juta :RM1.5 juta;
- d)no. 8 23.5.2016 taklimat jawatankuasa risiko/ perwakilan RM1,750;
- e)no.9 23.5.2016 bayaran terakhir -1 :RM1 juta;
- f)no. 10 23.5.2016 bayaran terakhir-2: RM1 juta; dan

g)no. 11 23.5.2015 bayaran terakhir 3 RM580,000.

Jumlah keseluruhan adalah RM5,741,740.

(iii)Jika dirujuk pada perenggan 5.5 Ikatan A, pembayaran-pembayaran dari 2015 sehingga 24 Mei 2016 bagi pembelian tanah Koperasi Malimjaya Tanjung Malim Berhad adalah:

a)no. 14 7.5.2015 bayaran tanah 90 hari daripada consent (no.1): RM1.35 juta;

b)no. 15 3.6.2015 bayaran tanah 180 hari daripada consent (no. 2): RM1.35 juta;

c)no. 16 7.8.2015 bayaran tanah : 270 hari daripada consent (no. 3): RM1.35 juta; dan

d)no. 17 3.9.2015 bayaran konsultan As Prima -pendahuluan projek penjualan tanah lot hulu bernam :RM500,000.

Jumlah keseluruhan adalah RM4,550,000.

(iv)Jika dirujuk pada perenggan 5.6 Ikatan A, pembayaran-pembayaran sehingga 24 Mei 2016 bagi pembelian tanah lot Hulu Langat (KL Palace) adalah:

a)no. 3 6.1.2015 bayaran ketiga KL Palace :RM150,000;

b)no. 4 6.2.2015 bayaran keempat KL Palace :100,000;

c)no. 5 29.4.2015 bayaran kelima KL Palace :RM223,583;

d)no. 6 25.6.2015 bayaran keenam KL Palace :RM200,000;

e)no. 7 10.7.2015 bayaran ketujuh KL Palace :RM200,000;

f)no. 8 21.8.2015 bayaran kelapan :RM150,000;

g)no. 9 21.8.2015 bayaran kesembilan :RM100,000;

h)no. 10 9.10.2015 bayaran kesepuluh: RM100,000; dan

i)no. 11 9.10.2015 bayaran kesebelas: RM50,000.

Jumlah keseluruhan adalah RM1,373,583.

21. Fakta yang juga tidak boleh disangkal adalah tujuan pembiayaan RM18 juta adalah untuk "to finance Customer's financing activities to its members" yang disokong oleh kelulusan SKM di bawah perenggan 50(e) Akta Koperasi 1993. Tujuan pembiayaan RM12 juta adalah juga untuk "to finance Customer's financing activities to its members". Tujuan pembiayaan RM2.8 juta adalah juga bagi tujuan yang sama iaitu membiayai tambahan modal pusingan untuk aktiviti kredit.

22. Pada masa yang sama, semasa bicara dijalankan, Peguam Pemohon mengesahkan di dalam dokumen-dokumen yang difailkan di Tribunal samada oleh Pemohon atau Responden-Responden, penyata akaun Koperasi bagi 2015 hingga

2016 di mana duit dikeluarkan bagi tujuan pembayaran yang dilakukan adalah tidak dilampirkan. Walaubagaimanapun, terdapat fakta berdasarkan keterangan saksi Pemohon, jumlah keseluruhan dana luar yang telah diterima oleh Pemohon secara berperingkat sepanjang tahun 2015 sehingga 2016 adalah sebanyak RM32.8 juta.

23. Manakala fakta berdasarkan keterangan saksi-saksi Responden-Responden menyatakan bahawa akaun di mana duit dikeluarkan bagi tujuan pembayaran yang dilakukan adalah akaun yang bercampur. Di dalam akaun tersebut, duit-duit yang dimasukkan ke dalam akaun tersebut adalah pembayaran pinjaman ahli, pinjaman-pinjaman yang diterima dan pembayaran-pembayaran keluar.

24. Oleh itu, berdasarkan fakta di atas terutamanya berkaitan fakta tidak dinafikan bahawa akaun di mana duit dikeluarkan bagi tujuan pembayaran yang dilakukan adalah akaun yang bercampur. Pemohon gagal mengesahkan memang duit yang telah dikeluarkan untuk membuat pembayaran bagi hartanah itu adalah dari dana-dana tersebut. Ketiadaan penyata akaun 2015 dan 2016 adalah '*crucial*' / penting pada pandangan Panel Tribunal dalam membuktikan salah guna pengeluaran wang dari dana-dana tersebut adalah atas sebab pengeluaran bukanlah bagi tujuan aktiviti kredit. Pengeluaran wang dari akaun tersebut yang mempunyai dana bercampur bagi maksud pembayaran komitmen pembelian hartanah tersebut adalah tidak salah pada pandangan Panel Tribunal. Oleh itu, tuntutan Pemohon adalah ditolak.

25. Panel Tribunal juga mengambil maklum di perenggan 9 di atas, mengesahkan dapatan Panel Tribunal di mana Peguam Responden-Responden menghujahkan:

a) Pemohon gagal membuktikan tiga (3) dana pinjaman tersebut telah masuk ke dalam Akaun Bank Muamalat Pemohon (Akaun BMMB No. 14060002776710);

b) Terdapat dana sedia ada sebanyak RM21,094,082.06 di dalam Akaun BMMB No. 14060002776710;

c) Terdapat aktiviti kredit oleh Pemohon bagi Tahun 2014 hingga Tahun 2016 berjalan seperti biasa untuk jumlah sebanyak RM40,266,553.72.

Untuk kegagalan ini, Peguam Responden-Responden menghujahkan bahawa beban pembuktian masih belum berpindah kepada Responden-Responden. Atas sebab itu, Peguam Responden-Responden menegaskan bahawa kegagalan Pemohon untuk membuktikan berkenaan kerugian-kerugian yang dialami oleh Pemohon maka tuntutan Pemohon yang kononnya mengalami kerugian sebanyak RM 3,896,233.40 adalah sesuatu yang tidak boleh dipertahankan dan harus ditolak oleh Tribunal ini. Selanjutnya, Panel Tribunal juga bersetuju dengan hujahan peguam Responden-Responden bahawa Pemohon gagal menyangkal atau membuktikan secara dokumentari (sebagai contoh sebarang penyata akaun Pemohon) bahawa sememangnya Responden-Responden telah menggunakan dana luar daripada kemudahan pembiayaan dari Bank Muamalat.

26. Berkaitan pembuktian bahawa pembelian hartanah Warisan Cityview Unit C3, tanah milik Koperasi Pusat Islam Berhad (KOPIIM), tanah milik Koperasi Malimjaya Tanjung Malim Berhad dan tanah Lot Hulu Langat (KL Palace) adalah salah, bagi isu ini, jika diperhatikan berdasarkan keterangan saksi Pemohon-Pemohon, tiada seorang pun menyatakan bahawa pembayaran ke atas kesemua hartanah ini adalah salah. Saksi Pemohon 2 hanya menyatakan bahawa pembayaran tidak patut dibuat kerana pembelian kesemua hartanah itu tidak dipersetujui oleh kesemua ALK secara majoriti semasa ianya diluluskan pembeliannya. Walaupun begitu, beliau gagal menunjukkan minit mesyuarat mana Lembaga Koperasi menyatakan bahawa kelulusan pembelian kesemua hartanah itu tidak dipersetujui oleh kesemua ALK secara majoriti. Selanjutnya, saksi Pemohon 2 adalah mengatakan minit mesyuarat adalah tidak mengikut standard. Jika dibandingkan ini pula dengan keterangan saksi-saksi Responden-Responden yang bagi pembelian hartanah Warisan Cityview Unit C3, tanah milik Koperasi Pusat Islam Berhad (KOPIIM), tanah milik Koperasi Malimjaya Tanjung Malim Berhad dan tanah Lot Hulu Langat (KL Palace). Lagipun isu pembelian tidak patut atau salah bukanlah merupakan tuntutan yang dipidkan.

27. Panel Tribunal berpandangan isu kredibiliti dan kompetensi Responden-Responden yang mengakibatkan salahguna kuasa dalam pembelian hartanah yang diujahkan oleh Pemohon khususnya berkaitan Responden-Responden dalam keterangannya dikatakan menunding jari kepada pihak lain untuk mengelak liabiliti beserta kebergantungan Responden-Responden kepada peguam, konsultan dan pengurus dalam menjalankan tugasannya berkaitan pembelian hartanah-hartanah tersebut adalah bukan isu yang diterima Panel Tribunal untuk membuktikan tuntutan Pemohon. Ini kerana Panel Tribunal bersetuju dengan hujahan peguam Responden-Responden bahawa adalah sesuatu yang wajar dalam membuat pembelian untuk Responden-Responden bergantung kepada nasihat dari pihak yang berkemahiran dan pakar. Panel Tribunal berpuashati dengan bukti-bukti dokumentasi (minit-minit mesyuarat Ikatan D) bahawa Responden-Responden telah mendapatkan nasihat konsultan dalam membuat pembelian seperti yang digariskan di perenggan 7 di atas.

28. Panel Tribunal juga berpandangan yang sama berkaitan isu timbulnya salahguna kuasa adalah kerana Responden-Responden tidak memastikan kedudukan kewangan Pemohon sentiasa terjamin dan Responden-Responden adalah pada setiap masa yang material merupakan **decision maker** bagi Koperasi. Panel Tribunal bersetuju dengan hujahan peguam Responden-Responden bahawa setiap tindakan Responden-Responden dalam memutuskan pembelian adalah daripada kelulusan ALK sendiri selepas ianya dibentangkan dan dibincangkan semasa Mesyuarat Lembaga. Panel Tribunal berpuashati dengan rujukan peguam Responden-Responden di perenggan 8 di atas kepada minit-minit yang mengesahkan pembelian hartanah adalah keputusan ALK. Kuasa Responden-Responden adalah sama dan setara dengan ALK yang lain ianya termasuk dan tidak terkecuali kuasa mengundi Responden-Responden. Kuasa mengundi mereka juga sama yang mana setiap mereka hanya mewakili 1 undi. Oleh yang demikian, jika pihak ALK secara majoriti telah membuat keputusan bersetuju untuk pembelian-pembelian hartanah ini selepas dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga, Responden-Responden adalah terikat di bawah peruntukkan **SEKSYEN 44 (2) (U) Undang-Undang Kecil Pemohon**. Ianya menjadi tanggungjawab Responden-Responden untuk menandatangani perjanjian-perjanjian

jual beli yang dimasuki oleh Pemohon semasa penggal Responden-Responden menjadi Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari selaras dengan undang-undang kecil Pemohon. Tidak ada apa-apa bukti dihadapan Tribunal ini menunjukkan bahawa Responden-Responden telah bertindak lebih daripada kuasa dan kebenaran yang diberikan oleh pihak ALK semasa penggal Responden-Responden tersebut.

29. Panel Tribunal bersetuju Responden-Responden tidak mempunyai tanggungjawab terhadap kerugian yang dialami oleh Pemohon atas sebab kerugian yang diplidkan gagal dibuktikan oleh pihak Pemohon. Pihak Pemohon di dalam penyata saksi, dokumen-dokumen dan semasa soal balas langsung tidak menyentuh isu kerugian yang kononnya ditanggung oleh Pemohon. Di samping itu juga, Panel Tribunal bersetuju dengan hujahan Peguam Responden-Responden bahawa kerugian yang kononnya ditanggung oleh Pemohon mestilah dibuktikan di hadapan Tribunal dan bukanlah sekadar ianya diplidkan sudah mencukupi untuk Pemohon layak mendapat kesemua kerugian-kerugian yang didakwa tersebut.

Bertarikh 30 Mac 2023

Arleen Binti Ramly
Pengerusi Tribunal Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia